



<b>Jeni Dokumen:</b>	Piawaian RA
<b>Skop:</b>	Sabah, Malaysia
<b>Status Dokumen:</b>	Diluluskan
<b>Tarikh bagi versi ini:</b>	15 December 2014
<b>Nombor Versi:</b>	12-14
<b>Jangkamasa perundingan:</b>	TUTUP
<b>Badan kelulusan:</b>	RA QA
<b>Pegawai dihubungi:</b>	Chisato Tomimura
<b>Hubungan email:</b>	ctomimura@ra.org

**Tajuk:**

**Piawaian Interim Rainforest Alliance bagi Pengurusan Hutan di Sabah, Malaysia**

**Kod dokumen RA:**

**FM-32 – Sabah, Malaysia**

© 2007 Dicitak oleh Rainforest Alliance. Dokumen ini merupakan hak milik penerbit, segala maklumat yang termaktub dalam dokumen ini adalah tidak dibenarkan untuk diterbitkan semula atau disalin dalam apa-apa bentuk atau dengan apa-apa cara (grafik, elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, rakaman, rakaman bergambar atau informasi atau sistem pencarian semula) tanpa kebenaran bertulis oleh penerbit.

## Isi Kandungan

<b>Pengenalan</b> .....	<b>1</b>
Latar Belakang.....	2
Pembentukan Piawaian Serantau .....	3
Struktur Piawaian Rainforest Alliance .....	4
Petunjuk-petunjuk bagi FME kecil and besar .....	4
Sumbangan dan komen orang awam terhadap Piawaian Rainforest Alliance dan Proses-proses Pensijilan .....	4
<b>Piawaian Interim Rainforest Alliance bagi Penilaian Pengurusan Hutan di Sabah, Malaysia</b> .....	<b>6</b>
Lampiran 1: Senarai hutan-hutan kebangsaan dan tempatan serta undang-undang dan keperluan pentadbiran yang diguna di Sabah, Malaysia .....	23
Lampiran 2: Senarai Perjanjian Alam Sekitar Pelbagai Hala and Konvensyen ILO yang telah disahkan oleh Sabah, Malaysia .....	28
Lampiran 3: Senarai rasmi spesies yang hampir pupus di Sabah, Malaysia. ....	29
Lampiran 4: Terma Glosari.....	30
Lampiran 5: Ringkasan Proses Penilaian Pensijilan Rainforest Alliance .....	35

## Pengenalan

Fungsi utama Rainforest Alliance adalah untuk mengiktiraf pengurus-pengurus hutan yang baik melalui proses pensijilan yang bebas dan boleh dipercayai mengenai cara pengurusan hutan oleh pengurus hutan. Rainforest Alliance merupakan badan pensijilan yang diakredasikan oleh Majlis Pengawasan Hutan. Tujuan utama piawaian ini adalah untuk menyediakan pengurus-pengurus hutan, pemilik-pemilik tanah, industri hutan, saintis, para penyayang alam sekitar dan orang-orang awam dengan informasi berkaitan dengan aspek-aspek operasi pengurusan hutan yang dinilai oleh Rainforest Alliance untuk menghasilkan keputusan-keputusan pensijilan dalam Majlis

Pengawasan Hutan (FSC). Piawaian-piawaian ini telah disediakan untuk Sabah, Malaysia berdasarkan Piawaian Generik Rainforest Alliance yang diluluskan oleh FSC (melalui

Perkhidmatan Akreditasi Antarabangsa). Skop bagi piawaian terkini ini adalah Sabah, Malaysia (merangkumi pelbagai jenis hutan and kawasan geografi). Piawaian interim terkini adalah digunakan khas oleh Rainforest Alliance bagi penggunaan di Sabah, Malaysia dan akan sentiasa dikemaskini dengan berdasarkan sumbangan daripada pemegang-pemegang berkepentingan dan percubaan piawaian ini di lapangan. Prinsip, kriteria and petunjuk yang terkandung dalam dokumen ini boleh digunakan untuk menilai semua jenis operasi pengurusan hutan (FMEs) yang berkenaan dengan mengeluarkan kayu sebagai tujuan utama operasi (walaupun tidak eksklusif).

## **Latar Belakang**

Hutan boleh diurus untuk pelbagai objektif dan hasil-hasilnya. Pengurusan seperti ini boleh berlaku di hutan asli atau di Ladang Hutan bagi tujuan pemerolehan hasil-hasil hutan atau bukan hutan, secara berjerentara atau manual, dan diurus oleh operasi perindustrian yang besar atau komuniti tempatan atau pemegang tanah koperasi tempatan. Banyak kombinasi boleh berlaku. Satu persoalan yang kritikal ialah – bagaimana untuk menilai impak-impak akitiviti pengurusan hutan ini terhadap sumber-sumber ekologi, sosio-ekonomi dan silvikultur secara telus dan konsisten, berdasarkan kajian-kajian saintifik dan pengalaman praktikal di lapangan?

Pada tahun 1991, program SmartWood, satu program dari Program Rainforest Alliance telah mengemukakan set piawaian global *pertama* bagi pensijilan pengurusan hutan yang bertajuk “Panduan-panduan Generik bagi Penilaian Pengurusan Hutan Asli” yang boleh digunakan pada peringkat hutan atau pengoperasian dalam operasi hutan. Pada tahun yang sama, SmartWood juga mengagihkan garis panduan spesifik-serantau pertama untuk pengurusan hutan-hutan asli di Indonesia. Pada tahun 1993, SmartWood mengagihkan draf “Garis panduan Generik bagi Penilaian Ladang-ladang Hutan” dan garis panduan yang telah disemak semula bagi pengurusan hutan asli. Kumpulan Berkerja Utama bagi pembentukan Prinsip dan Kriteria FSC dalam tahun 1991-1993 adalah dipengerusi-bersama oleh Direktor SmartWood. Pada tahun 1998, tujuh tahun selepas penggunaan dan “pembelajaran melalui perlakuan” melalui penilaian-penilaian dan audit-audit hutan, SmartWood telah membuat penyemakan semula yang ketara terhadap piawaian bagi penilaian pengurusan hutan untuk hutan asli dan ladang hutan. Penyemakan semula kemudiannya berlaku pada tahun 2000 dan 2004. Sejak 1993, setiap set piawaian kami adalah disemak semula oleh staf FSC, satu badan antarabangsa yang diakreditasi Rainforest Alliance sebagai penilai pengurusan hutan dan rantai kustodi.

Piawaian-piawaian ini adalah dibentuk melalui perundingan dengan staf dan wakil-wakil Rainforest Alliance di seluruh dunia, serta pakar-pakar rimbawan, ekologi, saintis sosial, dan pengamal-pengamal hutan yang lain. Wakil-wakil Rainforest Alliance mempunyai pengalaman lapangan yang mendalam dalam pembentukan piawaian pensijilan hutan spesifik-serantau sejak dari tahun 1989 (Indonesia, California). Kami membentuk piawaian ini selaras dengan keperluan FSC serta garis panduan pengurusan hutan dan konservasi biologi yang diterbitkan oleh Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN) dan Organisasi Kayu Tropikal Antarabangsa (ITTO). Kami juga merujuk kepada kerja-kerja dari rakan-rakan Jaringan (Imaflora di Brazil dan NEPCON di Denmark, Scandinavia, Russia dan Timur Europe), Pusat Penyelidikan Hutan Antarabangsa (CIFOR), Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO), saintis-saintis, industri hutan, Organisasi bukan-kerajaan (NGOs), dan kumpulan berkerja piawaian serantau FSC. Kami ingin memberi setinggi-tinggi penghargaan kepada semua organisasi-organisasi tempatan dan antarabangsa rimbawan, serta operasi-operasi perhutanan (bersijil dan tidak bersijil), rimbawan, pembalak, pemegang berkepentingan yang telah memberi kritikan terhadap versi-versi piawaian Rainforest Alliance sebelum ini serta memberi cadangan untuk penambahbaikan.

## **Pembentukan Piawaian Serantau**

Kumpulan-kumpulan berkerja FSC di seluruh dunia merupakan piawaian pensijilan hutan bagi negara-negara membangun atau spesifik-serantau. Rainforest Alliance memberi sokongan padu, dorongan, dan penyertaan sebanyak yang mungkin dalam proses-proses seperti ini. Mengikut pengalaman kami, proses pensijilan serantau adalah amat penting. Penempatan piawaian serantau merupakan langkah yang unggul bagi melibatkan orang awam menyertai dalam perbincangan yang penting dan luas mengenai hutan dan komuniti-komuniti pada masa akan datang. Dengan kata lain, penempatan piawaian serantau tidak boleh hanya dilihat sebagai proses penempatan piawaian teknikal tetapi juga sebagai proses perantaraan mengenai topik pengurusan hutan secara mampan. Sebagai sebahagian daripada proses FSC, piawaian serantau adalah dibentuk oleh kumpulan berkerja serantau, diuji di lapangan, disemak semula dan diluluskan oleh kumpulan berkerja serantau, dan kemudiannya dihantar ke ibu pejabat antarabangsa FSC untuk kelulusan. Produk akhir, jika diluluskan, adalah merupakan “Piawaian yang diakreditasi oleh FSC”. Apabila telah diakredetaskan, penilai-penilai FSC yang diperakui (contohnya Rainforest Alliance) mesti menggunakan piawaian serantau yang telah diiktiraf sebagai asas permulaan bagi pensijilan FSC di negara/rantau tersebut. Penilai-penilai boleh memilih untuk menggunakan piawaian serantau dengan lebih ketat tetapi tidak boleh sesekali longgar dalam pelaksanaan piawaian itu.

Di negara-negara atau rantau-rantau yang tidak dilindungi oleh piawaian pengawasan hutan yang diakredetaskan oleh FSC, Rainforest Alliance akan membentuk piawaian interim atau tempatan untuk digunakan dalam penilaian operasi-operasi pengurusan hutan di kawasan geografi yang telah ditentukan. Piawaian tersebut adalah dibentuk daripada piawaian generik SW dengan pengubahsuaian kepada petunjuk-petunjuk pensijilan untuk mengambil kira konteks kebangsaan (contohnya keperluan undang-undang, alam sekitar, sosial dan perspektif ekonomi). Dokumen ini akan diterjemahkan kepada bahasa rasmi negara yang mana FME akan membuat penilaian di tempat tersebut dan telah hantar untuk perundingan sekurang-kurangnya 30 hari sebelum kerja lapangan dijalankan untuk penilaian yang menyeluruh. Pengagihan dokumen kepada pemegang-pemegang berkepentingan adalah melalui internet (email dan notis di laman web SW), surat dan mesyuarat secara berdepan muka.

Operasi-operasi yang telah diluluskan di bawah piawaian FSC lama atau Rainforest Alliance mempunyai tempoh masa setahun untuk mencapai segala piawaian serantau FSC baru yang telah disahkan.

Rainforest Alliance juga telah menggunakan sumber-sumber lain untuk mendapatkan inspirasi bagi pembentukkan petunjuk-petunjuk dan penilai-penilai Piawaian Interim. Antara dokumen-dokumen yang telah dirujuk dan dipertimbangkan dalam pembentukkan Piawaian Interim adalah seperti berikut:

- FSC-STD-01-001 (versi 4-0) Prinsip and Kriteria untuk Pengawasan Hutan FSC
- FSC-STD-20-002 (versi 3-0) Struktur, isi kandungan and adaptasi tempatan badan penilaian generik Piawaian Pengawasan Hutan.
- FSC-POL-30-401 Pensijilan FSC and Konvensyen ILO.
- FSC-STD-01-003 Kriteria Kelayakan SLIMF
- “Piawaian Generik Rainforest Alliance bagi Penilaian Pengurusan Hutan”, Rainforest Alliance, Mac 2012 Januari 2008
- Pensijilan Tambahan Produk Hutan Bukan Berkayu Global Rainforest Alliance, Rainforest Alliance 2012
- Kriteria dan Petunjuk bagi Pensijilan Pengurusan Hutan Malaysia [MC&I (2002)]
- Kriteria dan Petunjuk bagi Pensijilan Pengurusan Hutan Malaysia (Ladang Hutan) [MC&I (Ladang Hutan)], 25 Nov 2008

## **Struktur Piawaian Rainforest Alliance**

Piawaian Generik Rainforest Alliance adalah berdasarkan kepada Prinsip dan Kriteria FSC secara langsung bagi Pengawasan Hutan (FSC-STD-01-001) dan termasuk petunjuk-petunjuk generik yang khusus untuk setiap kriteria untuk membentuk piawaian global Rainforest Alliance. Petunjuk-petunjuk ini merupakan asas dalam penilaian di mana "Piawaian Interim Rainforest Alliance" spesifik-serantau ini dibentuk bagi penggunaan di hutan oleh juruaudit-juruaudit bagi menilai calon FME dari segi kemampuan dan impak pengurusan hutan.

Piawaian ini adalah terbahagi kepada 10 jenis piawai:

- 1.0 Kepatuhan kepada Undang-undang dan Prinsip FSC
- 2.0 Pemegangan dan hak-hak penggunaan dan tanggungjawab
- 3.0 Hak-hak Orang Asli
- 4.0 Perhubungan komuniti dan hak-hak pekerja
- 5.0 Faedah daripada hutan
- 6.0 Impak alam sekitar
- 7.0 Pelan pengurusan
- 8.0 Pemantauan dan Penilaian
- 9.0 Penyelenggaraan Hutan Konservasi Bernilai Tinggi
- 10.0 Ladang Hutan

Dalam piawaian ini, setiap prinsip FSC dan kriteria yang sehubungan dengannya telah dinyatakan, selaras dengan petunjuk-petunjuk Rainforest Alliance. Semua kriteria dalam prinsip-prinsip mesti dinilai dalam setiap penilaian melainkan prinsip-prinsip tertentu yang tidak dapat diguna oleh juruaudit-juruaudit Rainforest Alliance dalam penilaian (contohnya Prinsip 10 tidak dikenakan sekiranya tiada Ladang Hutan di kawasan itu).

## **Petunjuk-petunjuk untuk FME Kecil dan Besar**

Seperti mana yang diperlukan dalam polisi FSC, Rainforest Alliance telah membentuk petunjuk-petunjuk untuk kriteria-kriteria<sup>1</sup> yang khusus kepada saiz-saiz operasi tertentu. Pentakrifan kuantitatif bagi FME-FME kecil berbanding dengan yang besar adalah termaktub dalam Piawaian Interim Rainforest Alliance serantau. Jika ambang serantau Rainforest Alliance tersebut tidak ditubuhkan, FME besar yang harus diambikira adalah yang mana lebih daripada 50,000 ha. Pentakrifan FME kecil adalah ditentukan oleh ambang-ambang serantau FSC yang ditetapkan untuk hutan yang diurus dengan intensiti kecil dan rendah (SLIMF) yang mana telah ditetapkan sama ada secara global oleh FSC (100 ha) atau Inisiatif Kebangsaan FSC.

## **Pedapat dan Komen Orang Awam terhadap Piawaian Rainforest Alliance dan Proses Pensijilan**

Proses pensijilan mengandungi kedua-dua aspek awam dan swasta. Penilaian pensijilan bukan dokumen awam sekiranya diperlukan khusus oleh undang-undang (contohnya bagi sesetengah hutan awam) atau diluluskan untuk diedarkan untuk orang awam oleh operasi yang sah. Walaubagaimanapun, tiga dokumen awam adalah tersedia bagi sesuatu dan setiap FME yang diperakui:

1. Satu dokumen perundingan pemegang-pemegang berkepentingan yang mengumumkan setiap penilaian pensijilan sekurang-kurangnya 45 hari sebelum kerja lapangan;
2. Piawaian pensijilan yang digunakan; dan,
3. Satu ringkasan pensijilan awam yang dibentuk dengan keputusan-keputusan daripada pensijilan hutan yang berasingan.

---

<sup>1</sup> Kriteria 6.1, 6.2, 6.4, 7.1, 7.2, 7.3, 7.4, 8.1, 8.2, 8.3, 8.4, 8.5, 9.1, 10.5 dan 10.8.

Dokumen awam perundingan pemegang-pemegang berkepentingan perlu memaklumkan kepada orang awam mengenai penilaian tidak kurang daripada 45 hari sebelum penilaian ini berlaku. Dokumen ini adalah diedarkan secara terbuka sebelum atau semasa penilaian. Dokumen ini adalah diedarkan secara peribadi, FAX, mel, atau e-mel dan dipaparkan di laman web Rainforest Alliance di [www.rainforest-alliance.org](http://www.rainforest-alliance.org). Piawaian Rainforest Alliance yang khusus untuk setiap penilaian boleh juga diperolehi secara umum sebelum dan semasa penilaian dilakukan dan merupakan sebahagian daripada rekod awam bagi setiap pensijilan hutan. Ringkasan pensijilan awam ini dihasilkan sebagai langkah terakhir dalam proses pensijilan dan hanya boleh diperolehi setelah sesuatu operasi itu telah diluluskan untuk pensijilan.

Untuk dapatkan ringkasan pensijilan awam, sila layari laman web organisasi FSC yang diperakui di <http://info.fsc.org/>, atau hubungi Rainforest Alliance, Pejabat Serantau Asia Pasifik (Jl. Kapten Cok Agung Tresna, Griya Alamanda Blok No. 17, Lingkungan Jayagiri, Denpasar Timur, Denpasar, Bali, 80234 Indonesia Tel.: +62 361 256 689, Fax: +62 361 256 634 E-mel: [asia\\_pacific@ra.org](mailto:asia_pacific@ra.org)). **Kami menyeru orang ramai supaya memberikan sumbangan anda kepada kami, sama ada positif mahupun negatif, mengenai calon kami atau operasi yang telah diperakui, piawaian pensijilan, atau prosedur-prosedur pensijilan.**

## Isi kandungan

### A Skop

Piawaian ini akan menjadi asas kepada pensijilan pengurusan hutan FSC bagi perusahaan pengurusan hutan di Sabah, Malaysia.

### B Tarikh kuat kuasa piawaian

Piawaian ini hendaklah berkuat kuasa bermula dari bulan Mei 2014.

### C Rujukan

- FSC-STD-01-001 v 4.0 Prinsip dan Kriteria Pengawasan Hutan FSC
- FSC-STD-01-002 (v1-0) Terma Glosari FSC

### D Terma dan definisi

Lihat lampiran 4 untuk glosari.

Akronim:

**FME:** Perusahaan pengurusan hutan

**FSC:** Majlis Pengawasan Hutan

**HCVF:** Hutan Konservasi Bernilai Tinggi

**RA:** Rainforest Alliance

**SLIMF:** Pengurusan Hutan Intensiti Kecil dan Rendah

## **Piawaian Interim Rainforest Alliance bagi Penilaian Pengurusan Hutan di Sabah, Malaysia**

### **PRINSIP #1: KEPATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG DAN PRINSIP FSC**

*Pengurusan hutan hendaklah menghormati segala undang-undang sesebuah negara tersebut yang mana berkenaan serta semua treti dan perjanjian antarabangsa yang mana negara tersebut telah menandatangani dan patuh kepada Prinsip dan Kriteria FSC.*

- 1.1 Pengurusan hutan dikehendaki menghormati undang-undang kebangsaan dan tempatan serta keperluan pentadbiran.**
  - 1.1.1 FME dikehendaki menunjukkan rekod kepatuhan yang berkenaan dengan persekutuan, daerah/hegeri, serta undang-undang dan peraturan tempatan.
  - 1.1.2 FME dikehendaki menyimpan teks terkini mengenai undang-undang kebangsaan dan tempatan, serta peraturan-peraturan dan polisi-polisi, khususnya yang berkenaan dengan pengurusan hutan. Undang-undang dan peraturan yang berkenaan adalah tersenarai dalam Lampiran 1.
  - 1.1.3 Staf FME yang berkaitan dikehendaki mempunyai kesedaran dan pengalaman kerja mengikut undang-undang, peraturan-peraturan dan keperluan pentadbiran.
  - 1.1.4 FME dikehendaki sentiasa mengekalkan komunikasi bersama dengan agensi-agensi kawal selia.
  
- 1.2 Segala yuran, royalti, cukai, dan caj- caj lain yang telah disahkan hendaklah dibayar**
  - 1.2.1 FME dikehendaki membuat pembayaran yang terkini berkenaan dengan yuran, cukai, hak ke atas kayu atau pajakan, royalti dan sebagainya serta perlu menyimpan rekod pembayaran tersebut.
  - 1.2.2 Sekiranya FME tidak membuat pembayaran yang terkini, rancangan untuk melangsaikan segala pembayaran itu hendaklah telah dipersetujui oleh institusi-institusi yang berkaitan.
  
- 1.3 Bagi negara-negara yang telah menandatangani perjanjian, peruntukan-peruntukan bagi semua perjanjian antarabangsa yang terikat bersama seperti CITES, Konvensyen ILO, ITTA, dan Konvensyen Kepelbagaian Biologi hendaklah dihormati**
  - 1.3.1 FME perlu sedar dan memahami kewajipan terhadap undang-undang dan pentadbiran yang berkenaan dengan perjanjian antarabangsa.
  - 1.3.2 Operasi-operasi FME hendaklah memenuhi keperluan konvensyen-konvensyen yang berkenaan termasuk CITES, Konvensyen Kepelbagaian Biologi dan Konvensyen ILO (29, 87, 98, 100, 105, 111, 138, 182 dan konvensyen-konvensyen lain yang terikat bersama).
  - 1.3.3 FME dikehendaki menyenarai spesies-spesies tempatan yang tersenarai di CITES.
  
- 1.4 Konflik-konflik di antara undang-undang, peraturan dan Prinsip dan Kriteria (P&C) FSC dikehendaki membuat penilaian bagi tujuan pensijilan, berdasarkan kes-kes tertentu, oleh penilai dan oleh pihak yang terlibat atau yang terjejas.**
  - 1.4.1 Konflik di antara undang-undang, P&C FSC dan perjanjian antarabangsa atau konvensyen perlu dikenalpasti oleh FME.
  - 1.4.2 FME akan bertindak bersama-sama dengan badan-badan kawal selia yang bersesuaian serta pihak-pihak lain bagi menyelesaikan konflik antara undang-undang/peraturan-peraturan dan Prinsip atau Kriteria FSC.
  
- 1.5 Kawasan pengurusan hutan hendaklah dilindungi daripada penuaian, penerokaan haram dan aktiviti-aktiviti lain yang tidak diperakui.**
  - 1.5.1 Unit-unit Pengurusan Hutan hendaklah dilindungi daripada aktiviti-aktiviti yang haram.
  - 1.5.2 FME dikehendaki memasang peralatan-peralatan yang mencukupi untuk memantau aktiviti-aktiviti yang tidak haram.
  - 1.5.3 Dalam operasi yang **besar**, satu sistem hendaklah diwujudkan bagi pendokumenan dan membuat laporan kepada pihak-pihak yang berkuasa mengenai aktiviti penuaian, penempatan dan pekerjaan yang haram atau aktiviti-aktiviti haram yang lain.

**1.6 Pengurus hutan hendaklah menunjukkan komitmen jangka panjang bagi mematuhi Prinsip dan Kriteria FSC.**

- 1.6.1 FME hendaklah mempunyai polisi umum atau kenyataan berperakui organisasi tersebut bagi mematuhi piawaian pensijilan FSC yang sedia ada terhadap hutan yang sedang dinilai.
- 1.6.2 Polisi-polisi FME yang berhubungkait dengan P&C FSC hendaklah disampaikan di setiap pelusok organisasi serta pemegang-pemegang berkepentingan yang luar.
- 1.6.3 FME tidak dibenarkan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bercanggah dengan P&C FSC di luar kawasan hutan yang sedang dalam penilaian.
- 1.6.4 FME hendaklah mendedahkan maklumat-maklumat yang berkenaan dengan semua kawasan-kawasan hutan yang mana FME mempunyai tahap-tahap tanggungjawab tertentu dalam pengurusan dalam pengesahan polisi-polisi FSC ke atas pensijilan separa dan pengecualian kawasan daripada skop pensijilan.
- 1.6.5 Sekiranya kontraktor digunakan, FME dikehendaki menyelia kontraktor supaya mematuhi P&C FSC.

**PRINSIP #2: PEMEGANGAN DAN HAK-HAK PENGGUNAAN DAN TANGGUNGJAWAB**

*Pemegangan jangka panjang dan hak penggunaan untuk sumber tanah dan hutan hendaklah ditakrifkan dengan jelas, didokumentasikan dan ditubuhkan secara sah.*

**2.1 Bukti jelas mengenai hak penggunaan tanah hutan untuk jangka panjang (contohnya hak milik tanah, hak adat, atau perjanjian pajakan) hendaklah ditunjukkan.**

- 2.1.1 FME dikehendaki mendokumentasikan bukti-bukti berkaitan dengan undang-undang, hak-hak jangka panjang (sekurang-kurangnya satu pusingan atau kitaran tuaian) dalam pengurusan tanah-tanah dan penggunaan sumber-sumber hutan seperti mana yang tertakluk dalam pensijilan.
- 2.1.2 Pemegangan dan/atau hak-hak penggunaan hendaklah diperoleh melalui proses sah.

**2.2 Komuniti tempatan dengan pemegangan melalui cara yang sah atau adat atau hak penggunaan hendaklah dilindungi, sehingga tahap yang mencukupi untuk melindungi hak-hak atau sumber-sumber mereka, daripada operasi hutan melainkan mereka mewakili kawalan dengan bebas dan termaklum kepada agensi lain.**

- 2.2.1 Semua pemegang sah atau adat atau hak-hak penggunaan sumber hutan komuniti tempatan itu hendaklah didokumenkan dengan jelas oleh FME.
- 2.2.2 FME dikehendaki memberi bukti yang bebas dan memaklumkan aktiviti-aktiviti pengurusan yang menjejaskan hak-hak penggunaan telah disampaikan oleh masyarakat tempatan atau pihak-pihak yang terlibat.
- 2.2.3 Proses-proses perancangan FME dikehendaki melibatkan komuniti tempatan atau pihak-pihak yang mengandungi hak-hak pemegang sah atau adat atau penggunaan.

**2.3 Mekanisme yang bersesuaian hendaklah digunakan untuk menyelesaikan pertikaian terhadap tuntutan pemegangan dan hak penggunaan. Keadaan dan status sebarang pertikaian yang belum selesai akan dipertimbangkan dengan jelas dalam penilaian pensijilan. Pertikaian yang berskala besar yang melibatkan bilangan kepentingan yang besar biasanya akan dibatalkan kelayakan**

- 2.3.1 FME hendaklah menggunakan mekanisme-mekanisme untuk menyelesaikan pertikaian terhadap tuntutan pemegangan dan hak penggunaan yang melibatkan pihak-pihak yang terlibat dalam pertikaian dengan hormatnya dan konsisten dalam proses.
- 2.3.2 FME tidak boleh terlibat dalam pertikaian bermagnitud besar yang belum diselesaikan di kawasan hutan calon yang melibatkan sejumlah besar kepentingan yang ketara.
- 2.3.3 FME dikehendaki menunjukkan kemajuan dalam pencapaian menyelesaikan pertikaian yang berskala besar.
- 2.3.4 FME dikehendaki mengekalkan rekod-rekod yang melibatkan pertikaian-pertikaian mengenai hak-hak pemegang dan penggunaan di kawasan pengurusan hutan mereka.

### **PRINSIP #3: HAK-HAK ORANG ASLI**

*Hak-hak sah dan adat orang asli dalam memiliki, mengguna dan mengurus tanah, kawasan dan sumber mereka hendaklah diiktiraf dan dihormati.*

- 3.1 Orang asli dikehendaki mengawal pengurusan hutan di atas tanah dan wilayah mereka melainkan mereka mewakilkan kawalan dengan kebenaran bebas dan termaklum kepada agensi lain.**
  - 3.1.1 FME dikehendaki mengenalpasti orang-orang asli serta hak-hak adat/tradisional terhadap sumber hutan (berkayu dan bukan kayu) di mana orang-orang asli ini telah menuntut hak-hak adat atau undang-undang ke atas tanah/wilayah mereka atau sumber-sumber hutan dan tuntutan mereka diiktiraf secara rasmi dalam perjanjian yang diterima bersama.
  - 3.1.2 Tiada operasi pengurusan hutan boleh dijalankan di kawasan yang dinyatakan seperti di 3.1.1, tanpa bukti yang jelas dan pengetahuan daripada orang asli yang mengandungi hak-hak tanah, kawasan atau adat bagi kawasan tersebut.
  - 3.1.3 Perjanjian dengan orang-orang asli hendaklah dihormati.
  
- 3.2 Pengurusan hutan tidak boleh mengancam atau mengurangkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sumber atau hak pemegangan orang asli.**
  - 3.2.1 Tidak boleh mengandungi sebarang bukti atau petunjuk di mana FME mengancam hak dan sumber-sumber orang asli.
  - 3.2.2 FME dikehendaki mengekalkan komunikasi yang kerap dengan orang-orang asli berkenaan dengan hak-hak pemegangan atau penggunaan serta mengambil pendapat daripada mereka secara proaktif mengenai pengurusan dan operasi hutan.
  - 3.2.3 Jika terdapat pertikaian mengenai hak-hak dan isu-isu penggunaan yang melibatkan orang-orang asli, FME hendaklah terlibat dalam proses penyelesaian pertikaian dan menghormati mereka yang terlibat dalam isu pertikaian ini.
  
- 3.3 Tapak dengan kepentingan kebudayaan, ekologi, ekonomi atau keagamaan khas kepada orang asli hendaklah dikenal pasti dengan jelas dalam kerjasama yang dijalankan dengan orang sedemikian dan diiktiraf serta dilindungi oleh pengurus hutan.**
  - 3.3.1 Tapak-tapak kebudayaan, ekologi, ekonomi atau keagamaan orang asli yang istimewa hendaklah didokumentasi dalam dokumen-dokumen perancangan pengurusan.
  - 3.3.2 Polisi-polisi dan prosedur-prosedur hendaklah melibatkan orang asli, atau pakar-pakar yang mereka syorkan, dalam pengenalpastian tapak-tapak istimewa ini.
  - 3.3.3 tapak-tapak istimewa hendaklah dikenalpasti dalam peta dan di hutan sebelum aktiviti-aktiviti pengurusan hutan bermula di kawasan tersebut.
  - 3.3.4 Tapak-tapak istimewa hendaklah dilindungi ketika operasi hutan.
  
- 3.4 Orang asli hendaklah diberi pampasan ke atas pengetahuan tradisional mereka yang berkenaan dengan penggunaan spesies hutan atau sistem pengurusan dalam operasi hutan. Pampasan ini hendaklah dipersetujui secara rasmi dengan mendapatkan kebenaran mereka secara bebas dan termaklum sebelum operasi hutan bermula.**
  - 3.4.1 Perjanjian secara bertulis atau lisan dari segi pampasan hendaklah diwujudkan apabila meminta bantuan pengetahuan tradisional bagi tujuan penggunaan komersial.
  - 3.4.2 Mekanisme yang adil dalam pemberian pampasan ke atas pengetahuan tradisional hendaklah diwujudkan dahulu sebelum bermulanya operasi hutan yang menjejaskan kepentingan orang asli.

### **PRINSIP #4: PERHUBUNGAN KOMUNI DAN HAK-HAK PEKERJA**

*Operasi pengurusan hutan hendaklah mengekalkan atau meningkatkan kesejahteraan sosial dan ekonomi jangka panjang pekerja hutan dan komuniti tempatan.*

- 4.1 Komuniti di dalam, atau bersebelahan dengan, kawasan pengurusan hutan hendaklah diberi peluang pekerjaan, latihan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain.**



- 4.1.1 Komuniti dan penduduk tempatan hendaklah diberi peluang yang sama atau setanding dengannya dalam aktiviti-aktiviti pengurusan hutan dari segi kontrak, pekerjaan, latihan, dan pembekalan sumber kepada FME, serta faedah atau peluang-peluang yang lain.
  - 4.1.2 Program-program latihan hendaklah menyokong pembinaan keupayaan pekerja-pekerja tempatan.
- 4.2 Pengurusan hutan hendaklah mencapai atau melebihi semua undang-undang dan/atau peraturan berkenaan yang merangkumi kesihatan dan keselamatan pekerja dan keluarga mereka.**
- 4.2.1 Gaji dan faedah-faedah lain (kesihatan, persaraan, pampasan pekerja, perumahan, makanan, insurans, rawatan perubatan) untuk staf sepenuh masa dan kontraktor hendaklah diselaraskan dengan (tidak rendah daripada) piawaian tempatan yang sedia ada serta peraturan-peraturan yang digunakan.
  - 4.2.2 FME hendaklah mempunyai garis panduan, polisi dan program keselamatan pekerja yang bertulis setimpal dengan skala dan intensiti operasi dan perlu melaksanakannya.
  - 4.2.3 Kesihatan dan langkah-langkah keselamatan hendaklah mematuhi keperluan minimum kebangsaan.
  - 4.2.4 Pengurus dan penyelia hutan hendaklah dilatih dengan maklumat-maklumat terkini mengenai undang-undang dan/atau peraturan-peraturan yang sedia ada yang melindungi kesihatan dan keselamatan pekerja-pekerja hutan.
  - 4.2.5 Semua pekerja lapangan hendaklah dilatih berkenaan dengan isu-isu kesihatan dan keselamatan serta prosedur-prosedur kecemasan.
  - 4.2.6 Pekerja (kakitangan dan kontraktor) hendaklah disediakan kit pertolongan cemas dan peralatan keselamatan yang berada dalam keadaan baik, sesuai untuk tugas-tugas pekerja dan peralatan yang dikendali (norma tempatan hendaklah diambil kira).
  - 4.2.7 FME hendaklah mengekalkan rekod yang terkini tentang kemalangan yang berkaitan dengan kerja, dan data mengenai semua prestasi keselamatan yang selaras dengan undang-undang dan/atau peraturan-peraturan yang melindungi kesihatan dan keselamatan pekerja-pekerja hutan.
  - 4.2.8 FME hendaklah sentiasa mengkaji dan menganalisis rekod kemalangan dan statistik untuk meningkatkan program kesihatan dan keselamatan.
  - 4.2.9 Polisi-polisi dan amalan-amalan FME hendaklah memastikan semua pekerja mendapat layanan yang sama dari segi pengambilan pekerja, kenaikan pangkat, pemecatan, saaraan dan pengambilan berkaitan keselamatan sosial.
  - 4.2.10 Kawasan berbahaya hendaklah ditentukan dengan jelas dan perlu mengawal pengaksesan kawasan tersebut.
  - 4.2.11 Garis panduan untuk penyimpanan dan pengendalian bahan-bahan berbahaya perlu ada dan dipatuhi.
- 4.3 Hak pekerja bagi membentuk kesatuan dan berunding secara sukarela dengan majikan mereka hendaklah dijamin seperti yang digariskan dalam Konvensyen 87 dan 98 Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).**
- 4.3.1 FME-FME, dalam tindakan-tindakan dan polisi-polisi mereka, hendaklah menghormati hak-hak pekerja (kakitangan dan kontraktor) bagi menganjurkan atau menyertai kesatuan sekerja dan untuk melibatkan diri secara kolektif seperti yang termaktub di dalam Konvensyen ILO 87 dan 98.
  - 4.3.2 Tidak boleh mengandungi apa-apa konflik dengan pekerja yang belum dijelaskan.
  - 4.3.3 Mekanisme-mekanisme yang sesuai hendaklah wujud bagi menangani rasa tidak puas hati yang dibangkitkan oleh pekerja dan/atau organisasi mereka serta untuk menyelesaikan masalah konflik.
- 4.4 Perancangan dan operasi pengurusan hendaklah meliputi keputusan penilaian impak sosial. Perundingan hendaklah dijalankan dengan orang dan kumpulan (lelaki dan perempuan) yang dipengaruhi secara langsung oleh operasi pengurusan.**
- 4.4.1 Seजार dengan pemegang-pemegang berkepentingan tempatan dan pihak-pihak lain yang berminat, FME hendaklah menilai impak-impak sosio-ekonomi yang berkaitan dengan

- aktiviti-aktiviti pengurusan hutan. Penilaian hendaklah berpandukan kepada skala dan intensiti operasi.
- 4.4.2 Hasil penilaian impak sosial perlu disediakan untuk pihak pemegang-pemegang berkepentingan yang terlibat secara langsung dengan operasi hutan.
  - 4.4.3 FME hendaklah membuktikan bahawa pendapat komuniti telah diambil kira atau diselitikan dalam perancangan dan operasi pengurusan, serta telah menangani aduan-aduan atau kebimbangan yang timbul.
  - 4.4.4 Perundingan hendaklah berkekalan dengan orang awam dan kumpulan (semua jantina, etnik, agama, dan umur) yang terlibat secara langsung dengan pengurusan operasi.
- 4.5 Mekanisme yang bersesuaian hendaklah digunakan untuk menyelesaikan ketidakpuasan dan memberi pampasan yang adil jika berlaku kerugian atau kerosakan yang menjejaskan hak sah atau ada, harta, sumber atau mata pencarian orang tempatan. Langkah-langkah perlu diambil untuk mengelakkan kerugian atau kerosakan.**
- 4.5.1 FME dikehendaki membuat tindakan-tindakan yang munasabah untuk mengelakkan kerugian dan kerosakan yang boleh menjejaskan hak-hak sah atau adat orang tempatan, harta, sumber, atau mata pencarian mereka, dan ketidakpuashatian yang berkaitan dengan hak-hak undang-undang, pampasan kerosakan dan impak-impak negatif.
  - 4.5.2 Prosedur-prosedur yang konsisten dan efektif dalam penyelesaian ketidakpuashatian dan penentuan pampasan bagi kerugian atau kerosakan hendaklah dilaksanakan sejajar dengan rangka undang-undang kebangsaan dan serantau yang berkaitan.
- (Nota: Lihat Kriteria 2.3 badi penyelesaian cabaran-cabaran pemegang tanah (contohnya hak-hak harta atau penggunaan))

## **PRINSIP #5: FAEDAH DARIPADA HUTAN**

*Operasi pengurusan hutan hendaklah menggalakkan penggunaan efisien berbilang produk dan perkhidmatan hutan untuk memastikan daya maju ekonomi dan manfaat alam sekitar dan sosial yang luas.*

- 5.1 Pengurusan hutan hendaklah berusaha mencapai daya maju ekonomi, sambil mengambil kira kos produksi penuh alam sekitar, sosial dan operasi dan memastikan pelaburan yang diperlukan untuk mengekalkan produktiviti ekologi hutan.**
  - 5.1.1 Belanjawan hendaklah termasuk peruntukan bagi alam sekitar dan sosial serta kos operasi yang berkenaan bagi mengekalkan status bersijil (contohnya perancangan pengurusan, penyelenggaraan jalan, rawatan silvikultur, kesihatan hutan jangka panjang, pemantauan pertumbuhan dan hasil, dan pelaburan konservasi).
  - 5.1.2 Keupayaan kewangan hendaklah dibuktikan melalui perniagaan jangka panjang atau pelan pembangunan, analisis faedah kos, anggaran pampasan atau pendapatan yang lepas.
  - 5.1.3 FME hendaklah mempunyai sumber manusia yang mencukupi untuk menjalankan pengurusan hutan yang mematuhi kepada P&C FSC.
  - 5.1.4 Ramalan pendapatan dalam bajet operasi hendaklah berdasarkan andaian yang kukuh.
- 5.2 Pengurusan hutan dan operasi pemasaran hendaklah menggalakkan penggunaan optimum dan pemprosesan tempatan kepelbagaian produk hutan.**
  - 5.2.1 FME hendaklah mencari pokok dan spesies kayu individu yang "tertinggi dan terbaik dalam penggunaannya"
  - 5.2.2 FME hendaklah menggalakkan penggunaan spesies tumbuhan yang banyak dijumpai, kurang dikenali, atau jarang digunakan untuk kegunaan komersil dan sahan hidup.
  - 5.2.3 Produk hutan bukan berkayu (NTFPs) perlu dipertimbangkan semasa penggunaan hutan dan pemprosesan.
  - 5.2.4 FME akan menyokong dan menggalakkan pemprosesan tempatan.
- 5.3 Pengurusan hutan hendaklah meminimumkan pembaziran yang berkaitan dengan penuaian dan operasi pemprosesan di tapak dan mengelakkan kerosakan pada sumber hutan yang lain.**

- 5.3.1 Pembalakan berimpak rendah hendaklah dilaksanakan bagi mengelakkan rekahan balak, degredasi kayu dan kerosakan kepada dirian hutan dan sumber-sumber yang lain.
- 5.3.2 Sisa yang terhasil daripada operasi penuaian, pemprosesan dan pengekstrakan di tapak hendaklah dikurangkan.
- 5.3.3 Bagi pengurusan hutan asli, pengauditan lepas tuaian hendaklah dijalankan secara sistematik bagi menilai kerosakan dan pembaziran sumber. Keputusan ini hendaklah digabungkan bersama dengan operasi pada masa hadapan.

(Nota: Lihat Prinsip 6 untuk penilaian kerosakan terhadap sumber-sumber hutan)

**5.4 Pengurusan hutan hendaklah berusaha untuk mengukuhkan dan mempelbagaikan ekonomi tempatan dan mengelakkan kebergantungan pada produk hutan tunggal.**

- 5.4.1 FME hendaklah menyokong kepelbagaian produk dan penerokaan pasaran dan produk baru (serta Kriteria 5.2).
- 5.4.2 FME hendaklah menyokong pemprosesan tambah nilai tempatan. Jika tidak ada pemprosesan tempatan, FME hendaklah menunjukkan usaha untuk menggalakkan pemprosesan tambah nilai tempatan.
- 5.4.3 FME harus berhubung dengan agensi-agensi dan syarikat-syarikat tempatan untuk menyokong dan menyumbang kepada pelan dan strategi pembangunan ekonomi tempatan/serantau.

**5.5 Operasi pengurusan hutan hendaklah mengiktiraf, mengekalkan dan di mana sesuai, meningkatkan nilai perkhidmatan dan sumber hutan seperti kawasan tadahan dan perikanan.**

- 5.5.1 FME hendaklah mengenal pasti dan menanda kawasan-kawasan ekologi yang sensitif dan melindungi pelbagai perkhidmatan hutan yang rangkaian berkaitan dengan kawasan hutan yang ditetapkan termasuk: kawasan tadahan air perbandaran, perikanan secara komersial dan rekreasi (atau pembekalan air kepada perikanan di hilir), kualiti visual, sumbangan terhadap biodiversiti serantau, rekreasi dan pelancongan.
- 5.5.2 FME hendaklah melindungi zon-zon riparian di sepanjang kawasan aliran air, sungai, kolam, mata air dan tasik/kolam, sejajar dengan keperluan peraturan-peraturan kebangsaan atau amalan-amalan pengurusan terbaik.

**5.6 Kadar penuaian produk hutan hendaklah tidak melebihi tahap yang boleh ditampung secara kekal.**

- 5.6.1 Anggaran jumlah berkala pertumbuhan balak di kawasan hutan yang telah ditentukan - mengikut kategori spesies - hendaklah dihasilkan melalui gabungan data empirikal (contoh data daripada plot-plot kekal) serta penerbitan literatur bersesuaian dengan skala dan keamatan operasi.
- 5.6.2 Tahap tuaian yang dibenarkan hendaklah berdasarkan anggaran pertumbuhan dan hasil yang konservatif, telah didokumen dengan baik dan terkini.
- 5.6.3 Penuaian hendaklah berdasarkan kepada kiraan berkala tuaian yang dibenarkan dalam kitaran penuaian ditetapkan (contohnya penuaian tahunan yang dibenarkan) dan hasil tuaian sebenar hendaklah tidak menjangkau kiraan penambahan kadar dalam jangka masa panjang.
- 5.6.4 Kadar penuaian hasil hutan tidak boleh melebihi tuaian yang telah dirancang dan diluluskan yang diperuntukkan dalam pelan pengurusan atau perancangan lain yang boleh digunapakai atau dokumen-dokumen yang sah.
- 5.6.5 Bagi Ladang Hutan, FME hendaklah menunjukkan bahawa produktiviti dan kesuburan tanah adalah terjaga melalui kitaran penuaian.

## **PRINSIP #6: IMPAK ALAM SEKITAR**

***Pengurusan hutan hendaklah memelihara kepelbagaian biologi dan nilai berkaitan dengannya, sumber air, tanah dan ekosistem serta landskap yang unik dan rapuh dan dengan melakukan sedemikian, dapat mengekalkan fungsi dan integriti ekologi hutan.***

**6.1 Penilaian impak alam sekitar hendaklah dilengkapkan – bersesuaian dengan skala, intensiti**

**pengurusan hutan dan keunikan sumber yang terjejas – dan diintegrasikan secukupnya ke dalam sistem pengurusan. Penilaian hendaklah termasuk pertimbangan peringkat landskap dan juga impak kemudahan pemprosesan di tapak. Impak alam sekitar hendaklah dinilai sebelum memulakan operasi gangguan di tapak.**

- 6.1.1 Penilaian kesan alam sekitar di peringkat landskap hendaklah diselesaikan dalam masa perancangan pengurusan.
- 6.1.2 Penilaian alam sekitar di peringkat projek kawasan-spesifik hendaklah dilakukan secara konsisten sebelum aktiviti-aktiviti gangguan tapak.
- 6.1.3 Impak alam sekitar yang berkaitan kemudahan-kemudahan pemprosesan di tapak hendaklah dikawal (contohnya sisa, kesan pembinaan, dan sebagainya).
- 6.1.4 Dalam perancangan pengurusan dan pelaksanaan, impak peringkat landskap pengurusan hutan (contohnya kesan-kesan kumulatif operasi hutan di dalam dan berhampiran FMU<sup>2</sup>) hendaklah dipertimbangkan.
- 6.1.5 Pelan pengurusan hutan hendaklah melibatkan langkah-langkah bagi mengurangkan kesan alam sekitar yang dinyatakan dalam penilaian.
- 6.1.6 **Berkenaan dengan FME-FME SLIMF sahaja:** (nota: petunjuk-petunjuk di atas tidak dikenakan) Sebelum bermulanya apa-apa operasi, impak negatif terhadap alam sekitar yang mungkin berlaku hendaklah dikenalpasti dan operasi yang dibentuk untuk mengurangkan impak tersebut. Penilaian-penilaian ini tidak perlu didokumenkan sekiranya dilaksanakan secara sah.

**6.2 Perlindungan yang melindungi spesies jarang, terancam dan hampir pupus serta habitatnya (contohnya, tempat bersarang dan makan) hendaklah diwujudkan. Zon-zon konservasi dan kawasan-kawasan perlindungan hendaklah diwujudkan, bersesuaian dengan skala dan intensiti pengurusan hutan serta keunikan sumber yang terjejas. Aktiviti pemburuan, memancing, menjerat dan mengumpul yang tidak wajar hendaklah dikawal.**

- 6.2.1 FME hendaklah mempunyai dan melaksanakan dasar-dasar atau strategi-strategi untuk melindungi spesies yang jarang, terancam, dan hampir pupus.
- 6.2.2 Spesies dan habitat mereka yang berkemungkinannya jarang, terancam atau hampir pupus (contohnya tempat bersarang dan makan) hendaklah dinilai berdasarkan maklumat-maklumat sedia ada yang terbaik.
- 6.2.3 FME hendaklah mempunyai senarai-senarai spesies tempatan atau antarabangsa yang hampir pupus dan/atau terancam (contohnya CITES Lampiran 1, senarai kebangsaan), dan spesies yang tersenarai ini tidak boleh diambil.
- 6.2.4 Pokok yang dilindungi hendaklah dikenalpasti dalam peta penuaian dan ditandakan di lapangan sebelum bermulanya aktiviti penuaian.
- 6.2.5 Bersesuaian dengan skala dan intensiti pengurusan, zon-zon konservasi, kawasan-kawasan perlindungan atau langkah-langkah perlindungan yang lain hendaklah ditubuhkan berdasar kepada keperluan teknikal yang baik bagi perlindungan spesies yang jarang, terancam dan hampir pupus serta habitat mereka.
- 6.2.6 Zon-zon konservasi perlu ditandakan pada peta, dan yang mana sesuai, di lapangan.
- 6.2.7 Prosedur-prosedur yang efektif hendaklah dilaksanakan dalam operasi hutan bagi melindungi zon-zon konservasi, spesies yang telah dikenalpasti serta habitatnya.
- 6.2.8 Aktiviti-aktiviti memburu, memancing, menjerat, mengumpul NTFPs, serta aktiviti eksploitasi yang lain hendaklah dikawal di dalam hutan.
- 6.2.9 Ciri-ciri istimewa kepentingan biologi seperti biji benih pokok, tempat bersarang dan makan hendaklah dilindungi.
- 6.2.10 Pekerja hutan hendaklah dilatih dalam identifikasi spesies jarang, terancam dan hampir pupus serta ciri-ciri kepentingan biologi yang istimewa.
- 6.2.11 **Berkenaan dengan FME-FME SLIMF sahaja:** (nota: petunjuk-petunjuk 6.2.1 - 6.2.5 tidak dikenakan) Jika wujudnya maklumat mengenai species jarang, terancam dan hampir pupus serta habitat mereka, FME hendaklah menggunakan maklumat tersebut untuk melindungi sumber-sumber ini.

---

<sup>2</sup> In Sabah, administratively defined FMUs may not meet the FSC definition of FMU. Certification evaluation shall be conducted using the FSC definition. See the glossary in Annex 4 for details.

- 6.3. Fungsi dan nilai ekologi hendaklah dikekalkan dalam keadaan baik, ditingkatkan atau dipulihkan, termasuk:**
- a) **Penjanaan semula dan penggantian hutan;**
  - b) **Kepelbagaian genetik, spesies dan ekosistem;**
  - c) **Kitaran semula jadi yang memberi kesan terhadap produktiviti ekosistem hutan.**
- 6.3.1 Pelan pengurusan, penilaian impak alam sekitar atau perancangan dokumen yang lain hendaklah termasuk data kawasan-spesifik atau analisis terbitan mengenai ekosistem hutan tempatan yang memberi maklumat mengenai FMU berkenaan dengan:
- Pertumbuhan semula dan penggantian
  - Genetik, spesies dan kepelbagaian ekosistem
  - Kitaran semula jadi yang menjejaskan produktiviti
- 6.3.2 Sistem pengurusan hutan semula hendaklah mengekalkan, meningkatkan atau memulihkan genetik, spesies dan nilai-nilai ekologi kepelbagaian ekologi FMU berdasarkan data dalam 6.3.1. Sistem pengurusan hendaklah termasuk:
- Silvikultur dan amalan-amalan pengurusan yang lain yang sesuai bagi fungsi ekosistem, struktur, kepelbagaian dan penggantian hutan
  - Satu program mengenai restorasi kawasan terdegredasi mengikut kesesuaian
  - Regenerasi semula jadi, sekiranya terdapat data menunjukkan bahawa penanaman semula jadi atau buatan yang akan memulihkan genetik, spesies atau kepelbagaian ekosistem.
- 6.3.3 FME hendaklah menilai regenerasi semula jadi selepas penuaian dan melaksanakan langkah-langkah untuk membantu regenerasi semula jika diperlukan.
- 6.3.4 Pengurus hutan hendaklah menunjukkan pengetahuan kerja mengenai ekologi tempatan.
- 6.3.5 Keputusan pemantauan hendaklah menunjukkan bahawa kepelbagaian flora dan fauna, produktiviti, dan fungsi ekosistem yang lain dipastikan utuh atau dipertingkatkan.
- 6.4 Sampel wakilan ekosistem yang sedia ada di dalam landskap hendaklah dilindungi dalam keadaan semula jadinya dan direkodkan pada peta, bersesuaian dengan skala dan keamatan operasi dan keunikan sumber yang terjejas.**
- 6.4.1 Sampel wakilan ekosistem yang sedia ada hendaklah dipetakan dan dilindungi mengikut keadaan semula jadi mereka, berdasarkan kepada identifikasi kawasan-kawasan penting biologi dan/atau konsultasi dengan pemegang kepentingan alam sekitar, kerajaan tempatan dan pihak-pihak berkuasa saintifik.
- 6.4.2 Bersama dengan pakar-pakar, aktiviti-aktiviti pemulihan dan perlindungan hendaklah dijelaskan, didokumenkan, dan dilaksanakan di dalam hutan.
- 6.4.3 Dalam menguruskan kawasan-kawasan ekologi yang penting sebagai zon pemuliharaan dan, FME hendaklah memastikan kawasan-kawasan ini adalah bersambung.
- 6.4.4 **Berkenaan dengan FME-FME SLIMF sahaja:** (nota: petunjuk-petunjuk di atas tidak dikenakan) Jika wakil sampel ekosistem yang diketahui itu wujud di dalam FMU, wakil sampel ekosistem ini hendaklah dilindungi.
- 6.5 Garis panduan bertulis hendaklah disediakan dan dilaksanakan untuk mengawal hakisan; meminimumkan kerosakan hutan semasa penuaian, pembinaan jalan dan semua gangguan mekanikal yang lain; serta untuk melindungi sumber air.**
- 6.5.1 Semua operasi hutan yang berpotensi mempunyai kesan negatif alam sekitar negatif (seperti yang dinyatakan dalam 6.1) hendaklah mempunyai garis panduan bertulis yang menjelaskan amalan-amalan yang boleh diterima untuk pengurus hutan dan penyelia. Garis panduan operasi seperti ini hendaklah memenuhi atau menjangkau amalan-amalan pengurusan terbaik kebangsaan atau serantau.
- 6.5.2 Semua polisi, garis panduan dan prosedur bertulis hendaklah dilaksanakan di lapangan.
- 6.5.3 Pekerja-pekerja hutan hendaklah dilatih mengenai pembalakan berimpak rendah dan FME hendaklah melaksanakan pembalakan berimpak rendah untuk mengurangkan kerosakan terhadap alam sekitar.
- 6.5.4 Peta dan/atau pelan berkerja hendaklah disediakan pada skala yang membolehkan penyeliaan tanah dan pengurusan sumber air dan aktiviti-aktiviti perlindungan.

- 6.5.5 Peta topografi perlu disediakan sebelum menjalani pembalakan atau pembinaan jalan.
- 6.5.6 Peta topografi hendaklah jelas menerangkan kawasan yang sesuai untuk penuaian pada semua keadaan cuaca atau cuaca kering sahaja; serta menunjukkan lokasi-lokasi jalan untuk pengekstrakan (atau penarikan), muatan tanjakan (atau panggung balak), laluan tarikan balak, struktur saluran, zon penampunan, dan kawasan-kawasan konservasi.
- 6.5.7 Latihan hendaklah diberikan kepada staf-staf FME serta kontraktor untuk memenuhi kriteria bimbingan.
- 6.5.8 Pembinaan, penyenggaraan akan piawaian penutupan jalan hendaklah diikuti di hutan.
- 6.7.9 Tidak boleh wujudnya hakisan berskala besar di lapangan.

**6.6 Sistem pengurusan hendaklah menggalakkan pembangunan dan penerimaan kaedah bukan kimia yang mesra alam untuk pengurusan perosak dan berusaha untuk mengelakkan penggunaan racun perosak kimia. Pertubuhan Kesihatan Sedunia Jenis 1A dan 1B dan racun perosak hidrokarbon berklorin; racun perosak yang berkekalkan, toksik atau terbitannya kekal aktif dari segi biologi dan berkumpul dalam rantai makanan mengatasi penggunaannya yang disasarkan; dan juga sebarang racun perosak yang diharamkan oleh perjanjian antarabangsa hendaklah dilarang. Jika bahan kimia digunakan, kelengkapan dan latihan yang sesuai hendaklah diberikan untuk meminimumkan risiko kesihatan dan alam sekitar.**

- 6.6.1 FME hendaklah menggunakan system-sistem silvikultur, pengurusan perosak bersepadu dan strategi kawalan tumbuhan yang mempunyai kesan yang paling minimum terhadap alam sekitar. Racun hanya digunakan apabila amalan pengurusan bukan kimia telah terbukti tidak berkesan atau kos terlalu tinggi.
- 6.6.2 Jika bahan kimia adalah digunakan, syarat-syaratnya adalah seperti berikut:
  - Satu inventori lengkap bahan kimia hendaklah disediakan oleh FME dan pemeriksaan terperinci terhadap kawasan-kawasan atau kemudahan-kemudahan lain dan sahkan bahawa inventori adalah lengkap dan tepat;
  - Rekod penggunaan bahan-bahan kimia hendaklah disimpan oleh FME termasuk nama produk, lokasi dan kaedah penggunaan, jumlah kuantiti bahan kimia yang digunakan, tujuan penggunaan, dan tarikh permohonan.
  - Pengendalian, permohonan (menggunakan peralatan yang betul), penyimpanan, dan pembuangan sisa bahan kimia hendaklah mengikut prosedur dan peraturan yang ditetapkan; dan,
  - Staf dan kontraktor hendaklah menerima latihan dalam pengendalian, permohonan dan prosedur penyimpanan.
  - Penggunaan bahan kimia berskala besar di lapangan hendaklah dikawalselia secara teliti oleh pekerja-pekerja yang berpengalaman.
- 6.6.3 Bahan kimia yang dilarang oleh FSC (FSC-POL-30-601) atau yang diharamkan di Eropah, Amerika Syarikat dan negara tertentu, atau Pertubuhan Kesihatan Sedunia Jenis 1A atau 1B dan racun hidrokarbon berklorin adalah tidak boleh digunakan. Pengecualian boleh berlaku sekiranya mendapat kelulusan rasmi dari FSC. Dalam kes seperti ini, FME mengikut segala terma pengecualian yang diluluskan itu.
- 6.6.4 FME hendaklah mempunyai dan melaksanakan garis panduan bertulis mengenai penggunaan bahan-bahan kimia di hutan yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

**6.7 Bahan kimia, bekas, cecair dan sisa pejal bukan organik termasuk bahan api dan minyak harus dilupuskan dalam cara yang sesuai dengan alam sekitar di lokasi luar tapak.**

- 6.7.1 Bahan kimia, bekas, cecair dan sisa pejal bukan organik hendaklah dilupuskan di luar tapak dengan cara yang mesra alam dan sah, sama ada daripada operasi-operasi hutan atau kemudahan pemprosesan.
- 6.7.2 Bagi operasi yang besar, prosedur dan protokol bertulis bagi pelupusan sisa hendaklah dibentuk dan dilaksanakan.
- 6.7.3 Sisa bukan organik seperti minyak, tayar, dan bekas-bekas hendaklah dikitar semula bagi mana yang mungkin.

- 6.7.4 Rancangan-rancangan kontingensi dan prosedur untuk kemalangan lain yang melibatkan bahan kimia, bahan api dan minyak (contoh tumpahan minyak) hendaklah dibentuk dan dilaksanakan.
- 6.8 Penggunaan ejen kawalan biologi harus dokumentasikan, diminimumkan, diawasi dan dikawal dengan ketat berpandukan undang-undang nasional dan protokol sains yang diterima antarabangsa. Penggunaan organisma yang diubah suai secara genetik adalah dilarang.**
- 6.8.1 Penggunaan agen kawalan biologi hendaklah didokumenkan, dijustifikasi dengan data yang termaktub dalam rangka pengurusan perosak bersepadu, diminimumkan, dipantau dan dikawal dengan ketat.
- 6.8.2 Penggunaan organisma yang diubahsuai secara genetik (GMO) adalah dilarang.
- 6.9 Penggunaan spesies eksotik harus dikawal dengan cermat dan diawasi secara aktif untuk mengelakkan impak ekologi yang buruk.**
- 6.9.1 Penggunaan spesies eksotik adalah tidak digalakkan dan dikawal dengan teliti, iaitu apabila digunakan, ia perlu dijelaskan dengan baik dan bagi tujuan khusus (contoh untuk faedah alam sekitar).
- 6.9.2 Jika spesies eksotik digunakan, potensi kesan ekologi daripada spesies eksotik hendaklah dinilai sebelum penggunaannya. Spesies eksotik invasif tidak boleh diperkenalkan.
- 6.9.3 Jika spesies eksotik digunakan, kesannya terhadap alam sekitar hendaklah dipantau secara berterusan.
- 6.9.4 Di mana spesies eksotik telah ditanam, langkah-langkah hendaklah diambil untuk mengelakkan regenerasi spontan di luar kawasan Ladang Hutan, kematian luar biasa, penyakit, wabak serangga atau kesan negatif alam sekitar yang lain.
- 6.10 Penukaran hutan kepada Ladang Hutan atau penggunaan tanah bukan hutan tidak boleh berlaku kecuali di dalam keadaan di mana pertukaran:**
- a) **Melibatkan bahagian unit pengurusan hutan yang sangat terhad; dan**
- b) **Bukan berlaku di kawasan hutan konservasi bernilai tinggi; dan**
- c) **Akan memberikan manfaat yang jelas, mencukupi, tambahan, terjamin, pemuliharaan jangka panjang di seluruh unit pengurusan hutan.**
- 6.10.1 FME tidak boleh melakukan penukaran hutan, atau mengancam habitat bukan hutan kepada Ladang Hutan atau penggunaan bukan hutan, kecuali penggantian itu memenuhi syarat-syarat 6.10.2 - 6.10.4.
- 6.10.2 Jika penukaran berlaku, ia hendaklah sangat terhad dalam skala dan tidak boleh melebihi 5% daripada unit pengurusan hutan dalam tempoh 5 tahun (lihat FSC-DIR-20-007-ADV-10)
- 6.10.3 Jika penukaran berlaku, FME hendaklah menunjukkan bahawa penukaran membawa faedah yang memberangsangkan, tambahan, selamat, dan jangka panjang alam sekitar, sosial dan ekonomi di seluruh FMU berbanding dengan keadaan hutan yang asal.
- 6.10.4 Jika penukaran berlaku, Ladang Hutan atau penggunaan bukan hutan tidak boleh menggantikan hutan konservasi bernilai tinggi.

## **PRINSIP #7: PELAN PENGURUSAN**

*Satu pelan pengurusan -- bersesuaian dengan skala dan intensiti operasi -- hendaklah bertulis, dilaksanakan dan dikemaskini. Objektif-objektif jangka panjang pengurusan dan cara-cara untuk mencapainya hendaklah dinyatakan dengan jelas.*

- 7.1. Pelan pengurusan dan dokumen sokongan harus menyediakan:**
- a) **Objektif-objektif pengurusan;**
- b) **Penerangan mengenai sumber hutan yang akan diurus, had-had alam sekitar, penggunaan tanah dan status pemilikan, keadaan sosio-ekonomi dan profil tanah yang berdekatan;**
- c) **Penerangan mengenai sistem silvikultur dan/atau pengurusan lain, berdasarkan pada ekologi hutan yang berkenaan dan maklumat yang dikumpulkan menerusi inventori**

- sumber;
  - d) **Kewajaran kadar penuaian tahunan dan pemilihan spesies;**
  - e) **Peruntukan pengawasan pertumbuhan dan dinamik hutan;**
  - f) **Perlindungan alam sekitar berdasarkan pada penilaian persekitaran;**
  - g) **Rancangan untuk mengenalpastian dan perlindungan spesies jarang, terancam dan hampir pupus;**
  - h) **Peta yang menggambarkan asas sumber hutan termasuk kawasan yang dilindungi, aktiviti pengurusan terancang dan pemilikan tanah;**
  - i) **Penjelasan dan justifikasi teknik tuai dan peralatan yang digunakan.**
- 7.1.1 Pelan Pengurusan FME, atau lampiran atau rujukan dokumen, hendaklah mengandungi persembahan komponen-komponen yang setara dengan skala, intensiti dan kerumitan operasi seperti berikut:
- a) Objektif pengurusan;
  - b) Penerangan mengenai sumber-sumber hutan yang akan diurus, had-had alam sekitar, penggunaan tanah dan status pemilikan, keadaan sosio-ekonomi, dan profil tanah yang berdekatan;
  - c) Penerangan mengenai sistem silvikultur dan/atau pengurusan, berdasarkan kepada ekologi hutan yang berkenaan dan maklumat yang dikumpulkan melalui inventori sumber;
  - d) Penerangan dan justifikasi preskripsi pengurusan hutan serta silvikultur dan rasional ekologi iaitu berdasarkan data kawasan hutan atau terbitan analisis ekologi hutan tempatan atau silvikultur tertentu;
  - e) Kadar penuaian hasil hutan (kayu atau bukan kayu, seperti yang ditetapkan) dan pemilihan spesies termasuk justifikasi;
  - f) Pelan untuk memantau pertumbuhan, regenerasi dan dinamik hutan.
  - g) Perlindungan alam sekitar berdasarkan penilaian alam sekitar (lihat kriteria 6.1); dan,
  - h) Langkah-langkah untuk mengenalpasti dan melindungi spesies jarang, terancam dan hampir pupus dan/atau habitat mereka;
  - i) Peta-peta yang menerangkan sumber hutan termasuk jenis hutan, anak sungai dan parit, petak/blok, jalan, tapak pendaratan balak dan tapak pemprosesan, kawasan perlindungan, sumber biologi atau budaya yang unik, dan aktiviti-aktiviti pelan pengurusan yang lain;
  - j) Penerangan dan justifikasi penggunaan teknik penuaian yang berbeza dan kelengkapan;
- 7.1.2 Sumber NTFP dan kegunaannya perlu diinventori dan pengurusan mereka jelas dipertimbangkan semasa perancangan.
- 7.1.3 Peta yang dibentangkan hendaklah tepat dan mencukupi untuk membantu aktiviti-aktiviti hutan (lihat juga Kriteria 6.5).
- 7.1.4 Pelan-pelan pengurusan atau operasi tahunan yang berkaian atau pelan penuaian hendaklah disediakan bagi staf dan kegunaan di hutan.
- 7.1.5 Pelan pengurusan hutan hendaklah mengandungi kedua-duanya matlamat jangka panjang dan strategi serta butiran spesifik untuk pelaksanaan jangka pendek.
- 7.1.6 Pelan pengurusan hutan hendaklah dikaji semula dan diluluskan oleh pihak berkuasa berwajib diperlukan sebagai undang-undang.
- 7.1.7 **Berkenaan dengan FME-FME SLIMF sahaja:** (nota: petunjuk-petunjuk di atas tidak dikenakan) Pelan pengurusan bertulis yang wujud termasuk juga seperti yang berikut:
- a) Objektif pengurusan;
  - b) Penerangan mengenai hutan;
  - c) Bagaimana objektif akan dicapai, kaedah-kaedah penuaian dan silvikultur (pembalakan bersih, pembalakan memilih dan penjarangan jelas, bagi memastikan keselamatan)
  - d) Had penuaian yang mampan (di mana mesti konsisten dengan kriteria FSC 5.6);
  - e) Impak alam sekitar / sosial pelan tersebut;
  - f) Pemuliharaan spesies jarang serta apa-apa nilai konservasi yang tinggi;



- g) Peta hutan yang menunjukkan kawasan perlindungan, pelan pengurusan dan pemilikan tanah; dan,
- h) Tempoh bagi pelan tersebut.

**7.2 Rancangan pengurusan hendaklah disemak semula secara berkala untuk memasukkan hasil pengawasan atau maklumat saintifik dan teknikal baru, serta untuk bertindak balas kepada keadaan persekitaran, sosial dan ekonomi yang berubah.**

- 7.2.1 Satu jangka masa yang realistik dari segi teknikal mahupun kewangan dipastikan wujud untuk semakan/pelarasan pelan pengurusan.
- 7.2.2 Pelan pengurusan (dan/atau pelan operasi tahunan) dipastikan terkini dan relevan melalui semakan pada masa yang tepat atau pelarasan yang konsisten.
- 7.2.3 FME hendaklah mendapatkan komen dan pendapat secara proaktif daripada pemegang-pemegang berkepentingan dalam mengemaskini pelan pengurusan.
- 7.2.4 Semakan pelan pengurusan hendaklah menggabungkan keputusan daripada pemantauan atau maklumat saintifik dan teknikal baru mengenai perubahan keadaan silvikultur, alam sekitar, sosial dan ekonomi.
- 7.2.5 **Berkenaan dengan FME-FME SLIMF sahaja** (nota: petunjuk-petunjuk di atas adalah tidak dikenakan) Pelan pengurusan hendaklah disemak semula sekurang-kurangnya setiap 5 tahun dan dikemaskini, jika perlu, menggabungkan hasil pemantauan untuk merancang dan melaksanakan pengurusan masa depan.

**7.3 Pekerja hutan hendaklah diberi latihan dan penyeliaan yang mencukupi bagi memastikan pelaksanaan rancangan pengurusan yang betul.**

- 7.3.1 Hendaklah terdapat bukti pekerja-pekerja hutan menerima latihan formal atau tidak formal bersesuaian dengan tugas-tugas mereka bagi memastikan pelaksanaan pelan pengurusan yang betul di hutan. **Dikenakan untuk semua FME termasuk SLIMF.**
- 7.3.2 Bagi FME-FME yang besar, pelan latihan formal untuk staf dan pekerja hutan yang berkaitan dengan pelan pengurusan dan pelaksanaannya hendaklah didokumenkan.
- 7.3.3 FME hendaklah memberi penyeliaan yang mencukupi kepada pekerja-pekerja hutan untuk memastikan pelaksanaan pelan pengurusan yang betul. **Dikenakan untuk semua FME termasuk SLIMF.**
- 7.3.4 Operasi pengurusan hutan yang sebenar hendaklah konsisten dengan pelan pengurusan.

**7.4 Sempena menghormati kerahsiaan maklumat, pengurus hutan hendaklah menyediakan ringkasan untuk awam mengenai unsur-unsur utama pelan pengurusan itu, termasuk yang tersenarai di Kriteria 7.1.**

- 7.4.1 FME hendaklah membuat ringkasan untuk umum mengenai pelan pengurusan setimpal dengan skala, intensiti dan kerumitan operasi.
- 7.4.2 **Berkenaan dengan FME-FME SLIMF sahaja** (Nota: petunjuk-petunjuk di atas tidak dikenakan): Atas permintaan, FME hendaklah menyediakan bahagian-bahagian yang relevan mengenai rancangan pengurusan untuk pemegang-pemegang berkepentingan yang terlibat secara langsung dengan aktiviti-aktiviti pengurusan hutan FME (contohnya pemilik tanah bersebelahan).

## **PRINSIP #8: PEMANTAUAN DAN PENILAIAN**

***Pengawasan harus dijalankan -- bersesuaian dengan skala dan intensiti pengurusan hutan -- untuk menaksir keadaan hutan, hasil produk hutan, rantai penahanan, aktiviti pengurusan dan kesan sosial dan persekitarannya.***

**8.1 Kekerapan dan intensiti pengawasan harus ditentukan oleh skala dan intensiti operasi pengurusan hutan serta kerumitan dan kerapuhan relatif persekitaran yang terjejas. Prosedur-prosedur pemantauan harus konsisten dan boleh diulangi sepanjang masa untuk membolehkan perbandingan keputusan dan penilaian perubahan.**

- 8.1.1 Pelan dan reka bentuk, berdasarkan prosedur yang konsisten dan boleh diulangi, perlu diwujudkan dan dilaksanakan untuk pemantauan berkala dan membuat laporan mengenai impak-impak sosial, ekologi, alam sekitar dan ekonomi.

- 8.1.2 Prosedur/protokol pemantauan hendaklah konsisten dengan Garis Panduan Pengurusan Hutan Secara Mampan.
- 8.1.3 Ke kerapannya dan intensiti pemantauan hendaklah berdasarkan kepada saiz dan kerumitan operasi serta kerapuhan sumber-sumber di bawah pengurusan.
- 8.1.4 FME hendaklah mendokumentasikan rekod rasmi pemantauan, seperti Laporan Pematuhan Penilaian Impak Alam Sekitar dan pengauditan serta pemantauan laporan.
- 8.1.5 **Berkenaan dengan FME-FME SLIMF sahaja** (Nota: petunjuk-petunjuk di atas tidak dikenakan): FME hendaklah menjalankan pemantauan yang kerap dan konsisten yang berkaitan dengan operasi peneuaian dan penghutanan semula.

**8.2 Pengurusan hutan harus meliputi penyelidikan dan pengumpulan data yang diperlukan untuk memantau, secara minimumnya, penunjuk-petunjuk yang berikut:**

- a) Hasil tuaian semua produk hutan;
- b) Kadar pertumbuhan, regenerasi dan keadaan hutan;
- c) Komposisi dan perubahan flora dan fauna yang diperhati;
- d) Kesan-kesan persekitaran dan sosial daripada peneuaian dan operasi-operasi lain;
- e) Kos, produktiviti dan kecekapan pengurusan hutan.

8.2.1 Pelan pemantauan hendaklah baik dari segi teknikal dan mengenalpasti/menerangkan perubahan-perubahan keadaan yang telah diperhati dari segi:

- Silvikultur (kadar pertumbuhan, regenerasi dan keadaan hutan, biasanya sebagai sebahagian daripada sistem inventori hutan berterusan yang sesuai);
- Peneuaian komersial termasuk NTFPs;
- Persekitaran (perubahan alam sekitar yang memberi kesan kepada flora, fauna, tanah dan sumber air) (wabak perosak, spesies invasif, tempat bersarang bagi spesies burung yang hampir pupus, HCV);
- Aspek-aspek sosio-ekonomi (kos pengurusan hutan, hasil daripada semua produk, dan perubahan-perubahan dalam hubungan atau keadaan komuniti dan pekerja, kadar kemalangan); dan,
- Mengenalpasti atribut hutan konservasi bernilai tinggi.

8.2.2 FME hendaklah melaksanakan pelan pemantauan dan menyimpan rekod tersebut.

8.2.3 **Hanya iuntuk FME-FME SLIMF sahaja** (nota: petunjuk-petunjuk di atas tidak dikenakan): FME hendaklah pada monitor minimum dan maklumat rekod mengenai yang berikut:

- Jumlah hasil hutan dituai;
- Pemantauan yang konsisten terhadap nilai-nilai konservasi tinggi yang telah dikenal pasti;
- Spesies eksotik yang invasif;
- Pertumbuhan dan regenerasi spesies yang dipantau;
- Pemeriksaan selepas aktiviti peneuaian bagi hakisan dan anggaran luas kawasan pokok yang tertinggal di hutan selepas peneuaian; dan,
- Inventori berkala (10 tahun).

**8.3 Dokumentasi hendaklah disediakan oleh pengurus hutan untuk menjalankan organisasi pengawasan dan pensijilan bagi asal usul setiap produk hutan, satu proses yang dikenali sebagai "rantai kustodi."**

8.3.1 Bilangan dan sumber data berkenaan dengan produk-produk tuaian hutan hendaklah tersedia (iaitu yang mana telah diskala, diinventori, diukur) di hutan, dalam pengangkutan, di tapak-tapak penyimpanan (contohnya tapak simpanan balak), serta pusat-pusat pemprosesan yang dijaga oleh FME. (tidak berkenaan dengan SLIMFs).

8.3.2 Laporan dan pendokumenan mengenai peneuaian dan pengangkutan hendaklah selaras dengan keperluan undang-undang yang berkenaan.

8.3.3 Produk hutan yang telah disahkan hendaklah jelas diasingkan dengan produk yang tidak sah melalui tanda atau label, simpanan berdokumen yang berasingan dan disertakan dengan invois sehingga ke tempat jualan (iaitu sehingga "pintu masuk hutan").

- 8.3.4 **Berkenaan dengan FME-FME SLIMF sahaja** (nota: petunjuk-petunjuk di atas tidak dikenakan kecuali 8.3.2): Pendokumenan hendaklah tersedia supaya produk-produk dapat dikesan dari hutan ke pintu masuk hutan.
- 8.4 Keputusan pemantauan hendaklah digunakan dalam pelaksanaan dan semakan rancangan pengurusan.**
- 8.4.1 FME hendaklah menunjukkan bahawa keputusan pemantauan telah digunakan dalam semakan pelan pengurusan atau mana-mana prosedur operasi yang akan dilaksanakan. (Bagi SLIMF lihat kriteria 7.2)
- 8.5 Sempena menghormati kerahsiaan maklumat, pengurus hutan hendaklah menyediakan ringkasan untuk awam mengenai unsur-unsur utama rancangan pengurusan itu, termasuk yang tersenarai di dalam Kriteria 8.2.**
- 8.5.1 Bagi operasi yang **besar**, ringkasan keputusan pemantauan berkala yang meliputi unsur-unsur yang disenaraikan dalam Kriteria 8.2 perlu disediakan untuk orang awam.
- 8.5.2 **Berkenaan dengan FME-FME sederhana saiz dan SLIMF sahaja:** (nota: petunjuk-petunjuk di atas tidak dikenakan) Atas permintaan, FME hendaklah menyediakan bahagian-bahagian yang berkaitan dengan pelan pengurusan untuk pemegang-pemegang berkepentingan yang terlibat secara langsung dengan aktiviti-aktiviti pengurusan hutan FME (contohnya pemilik tanah bersebelahan).

## **PRINSIP #9: PENYELENGARAAN HUTAN KONSERVASI BERNILAI TINGGI**

*Aktiviti pengurusan di hutan bernilai konservasi tinggi hendaklah mengekalkan atau meningkatkan atribut-atribut, yang menerangkan hutan-hutan sedemikian. Keputusan mengenai hutan konservasi bernilai tinggi hendaklah sentiasa dipertimbangkan dalam konteks pendekatan berjaga-jaga.*

- 9.1 Penilaian bagi menentukan kewujudan atribut-atribut yang konsisten dengan Hutan Konservasi Bernilai Tinggi akan dilengkapkan, bersesuaian dengan skala dan intensiti pengurusan hutan.**
- 9.1.1 FMEs hendaklah telah menjalankan penilaian untuk mengenalpasti HCV mengikut rangka undang-undang dan peraturan kebangsaan dan serantau yang relevan serta garis panduan teknikal. Penilaian seperti ini hendaklah meliputi:
- Perundingan dengan pangkalan data dan peta konservasi;
  - Perundingan Kit HCVF kebangsaan;
  - Pertimbangan terhadap data utama atau sekunder yang dikumpul semasa inventori hutan di kawasan hutan yang ditetapkan oleh staf FME, perunding, kontraktor atau penasihat;
  - Perundingan dengan pakar-pakar alam sekitar/biologi, komuniti orang asli/tempatan, pakar-pakar saintifik, pegawai kerajaan, dan pemegang-pemegang berkepentingan;
  - Senarai HCV yang telah dikenalpasti, atribut-atribut dan strategi (atau cadangan pengurusan) HCV tersebut.
  - Peta menunjukkan kawasan-kawasan HCV yang dikenal pasti.
  - Dokumentasi mengenai ancaman-ancaman terhadap HCV; dan,
  - Jika ancaman terhadap HCV atau HCVF wujud, mengenalpastikan tindakan-tindakan bagi menangani ancaman tersebut.
- 9.1.2 Bagi operasi yang besar, FME hendaklah:
- Menghasilkan penilaian HCVF bertulis yang mengenalpasti HCV atau HCVF serta mencadangkan strategi-strategi bagi memastikan perlindungan kawasan ini; dan,
  - Menjalankan kajian yang boleh dipercayai, berasingan, berkeadilan dari segi teknikal mengenai penilaian HCVF serta cadangan-cadangan yang berkaitan untuk menunjukkan ancaman dan perlindungan HCV; dan,
  - Menunjukkan bahawa tindakan yang boleh dipercayai sedang diambil untuk menunjukkan perlindungan dan /atau pengurangan ancaman HCV/HCVF

- 9.1.3 **Berkenaan dengan FME-FME SLIMF sahaja:** (nota: petunjuk-petunjuk di atas tidak dikenakan) Perundingan hendaklah telah dilakukan bersama dengan pemegang-pemegang berkepentingan alam sekitar, kerajaan atau ahli-ahli sains bagi mengenalpasti HCV-HCV dan/atau HCVF. Jika HCV-HCV atau HCVF hadir, FME hendaklah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk melindungi dan/atau mengurangkan ancaman nilai-nilai tersebut.
- 9.2 Bahagian perunding proses pensijilan harus menekankan terhadap atribut-atribut pemuliharaan yang dikenal pasti dan pilihan dalam penyelenggaraan.**
- 9.2.1 Perundingan bagi penilaian HCV hendaklah melibatkan semua komuniti dan pemegang-pemegang berkepentingan yang dipengaruhi secara langsung oleh operasi hutan, NGO yang berkaitan, pegawai-pegawai kerajaan dan pakar-pakar yang berkaitan di lapangan.
- 9.2.2 Perundingan FME dengan pemegang-pemegang berkepentingan hendaklah jelas menggariskan atribut-atribut konservasi yang dikenalpasti serta strategi-strategi yang dicadangkan untuk penyelenggaraan atau pengurangan ancaman.
- 9.2.3 FME hendaklah mengekalkan satu senarai pemegang-pemegang berkepentingan yang telah diberi nasihat mengenai penilaian HCV.
- 9.2.4 Bagi operasi **besar**, perundingan pemegang-pemegang berkepentingan dalam pembangunan strategi HCVF dan tindakan yang diambil berdasarkan perundingan itu, hendaklah didokumenkan.
- 9.3 Pelan pengurusan hendaklah termasuk dan melaksanakan langkah-langkah khusus yang memastikan penyelenggaraan dan/atau peningkatan atribut konservasi yang berkenaan yang konsisten dengan pendekatan berjaga-jaga. Langkah-langkah ini harus disertakan secara khusus dalam ringkasan pelan pengurusan yang tersedia untuk orang awam.**
- 9.3.1 Jika HCVF atau HCV hadir, dokumen perancangan hendaklah menyediakan maklumat kawasan-spesifik yang menerangkan langkah-langkah yang diambil untuk melindungi atau memulihkan nilai-nilai tersebut.
- 9.3.2 Langkah berjaga-jaga bagi mengekalkan dan/atau meningkatkan atribut-atribut HCV hendaklah didokumenkan dan dilaksanakan dengan berkesan.
- 9.3.3 Pelan pengurusan atau dokumen-dokumen perancangan yang lain hendaklah termasuk suatu senarai HCV yang telah dikenalpasti, berkenaan dengan sifat-sifat dan strategi pengurusan HCV tersebut.
- 9.3.4 Kawasan-kawasan HCV hendaklah dikenalpasti dengan jelas dalam peta.
- 9.3.5 Langkah-langkah untuk melindungi nilai-nilai HCVF hendaklah tersedia dalam dokumen-dokumen awam atau dalam ringkasan pelan pengurusan FME.
- 9.4 Pemantauan tahunan harus dijalankan untuk menilai keberkesanan langkah-langkah yang digunakan untuk mengekalkan atau meningkatkan atribut-atribut konservasi yang berkenaan.**
- 9.4.1 FME hendaklah menjalankan pemantauan untuk menilai keberkesanan langkah-langkah, sekurang-kurangnya setahun sekali, bersesuaian dengan skala dan intensiti operasi.
- 9.4.2 FME hendaklah membentuk petunjuk-petunjuk yang boleh diukur untuk memantau keberkesanan pengurusan HCV.
- 9.4.3 Keputusan-keputusan pemantauan HCV hendaklah dimasukkan ke dalam perancangan pengurusan, pemantauan dan pelaksanaan FME tersebut.

## **PRINSIP #10: Ladang Hutan**

*Ladang Hutan harus dirancang dan diurus berdasarkan Prinsip dan Kriteria 1 – 9 serta Prinsip 10 dan Kriterianya. Walaupun Ladang Hutan boleh memberi rangkaian faedah sosial dan ekonomi dan boleh menyumbang dalam memenuhi permintaan produk hutan sedunia, ia harus menyokong pengurusan, mengurangkan tekanan terhadap hutan asli dan mempromosikan pemulihan dan pemuliharaan hutan asli.*

- 10.1** Objektif pengurusan Ladang Hutan termasuk objektif konservasi dan restorasi hutan asli hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam pelan pengurusan dan ditunjukkan dengan jelas pelaksanaan pelan tersebut.

- 10.1.1 Objektif-objektif penanaman pokok hendaklah terperinci dalam pelan pengurusan, berserta kenyataan-kenyataan jelas berkenaan dengan hubungan antara penanaman pokok dan silvikultur, sosio-ekonomi dan alam sekitar (iaitu konservasi dan restorasi hutan) yang realiti di rantau ini.
  - 10.1.2 Objektif-objektif pengurusan untuk konservasi dan restorasi hutan asli hendaklah dijelaskan dalam pelan pengurusan.
  - 10.1.3 Objektif-objektif pengurusan, khususnya yang berkaitan dengan konservasi dan restorasi hutan asli, hendaklah ditunjukkan dalam aktiviti-aktiviti pengurusan hutan.
- 10.2 Reka bentuk dan susun atur Ladang Hutan hendaklah menggalakkan perlindungan, pemulihan dan pemuliharaan hutan asli dan bukannya menambahkan tekanan kepada hutan asli. Koridor hidupan liar, zon tepi sungai dan dirian mozek daripada umur dan tempoh perulangan berbeza harus digunakan dalam susun atur Ladang Hutan, konsisten dengan skala operasi. Skala dan susun atur blok Ladang Hutan harus konsisten dengan corak dirian hutan yang ditemui di dalam landskap semula jadi.**
- 10.2.1 FME-FME hendaklah menunjukkan komitmen mereka melalui tindakan dalam melindungi, memulih dan memulihara kawasan semula jadi hutan yang penting di sepanjang pemilikan.
  - 10.2.2 Zon penanaman di sepanjang alur sungai dan badan-badan air hendaklah ditetapkan mengikut amalan pengurusan terbaik serantau serta undang dan peraturan tempatan. Zon-zon penanaman hendaklah ditunjukkan dalam peta.
  - 10.2.3 FME hendaklah mewujudkan koridor atau habitat hidupan liar di tempat yang bersesuaian dalam kawasan Ladang Hutan, selepas berunding dengan pakar-pakar yang dikenali.
  - 10.2.4 Ladang Hutan hendaklah direka supaya dapat mengekalkan atau meningkatkan ciri-ciri visual landskap (iaitu reka bentuk adalah berdasarkan skala dan intensiti gangguan semula jadi dan penanaman serta rejim penuaian di rantau ini).
- 10.3 Kepelbagaian dalam komposisi Ladang Hutan diutamakan untuk meningkatkan kestabilan ekonomi, ekologi dan sosial. Kepelbagaian sedemikian mungkin termasuk saiz dan pengedaran ruang unit pengurusan di dalam landskap tersebut, bilangan dan kandungan genetik spesies, kelas umur dan struktur.**
- 10.3.1 Pengurusan Ladang Hutan hendaklah mengekalkan dan/atau meningkatkan kepelbagaian landskap mengikut saiz dan konfigurasi blok yang berbeza, spesies, kepelbagaian genetik, kelas umur dan struktur.
  - 10.3.2 Tumpuan harus diberikan kepada tanaman dan/atau penyelidikan spesies hutan yang asalnya dari rantau ini.
  - 10.3.3 FME hendaklah menunjukkan usaha untuk meningkatkan kepelbagaian di Ladang Hutan (Nota: Lihat juga Kriteria 6.4 dan 6.10.).
- 10.4 Pemilihan spesies penanaman hendaklah berdasarkan kepada kesesuaian dengan tapak tanaman dan selaras dengan objektif pengurusan. Bagi meningkatkan konservasi kepelbagaian biologi, spesies asli adalah lebih diutamakan berbanding spesies eksotik dalam penubuhan Ladang Hutan dan restorasi ekosistem yang terdegradasi. Spesies eksotik hanya akan digunakan apabila prestasinya lebih baik daripada spesies asli, harus dipantau dengan teliti bagi mengesan kematian, penyakit atau wabak serangga yang luar biasa serta impak ekologi yang buruk.**
- 10.4.1 Spesies Ladang Hutan hendaklah dipilih berdasarkan kesesuaian dengan keadaan tapak (tanah, topografi dan iklim) dan objektif pengurusan.
  - 10.4.2 Apabila spesies eksotik dipilih, FME hendaklah jelas menerangkan pilihan ini dengan menunjukkan bahawa prestasi mereka adalah lebih baik daripada spesies asli.
  - 10.4.3 Tiada spesies yang boleh ditanam pada skala yang besar sehingga percubaan tempatan dan/atau terdapat pengalaman menunjukkan bahawa species ini adalah sesuai dengan keadaan di tapak dari segi ekologi dan ciri-ciri ciri-ciri yang invasif, jika ada, dapat dikawal.
  - 10.4.4 Apabila spesies eksotik digunakan, langkah-langkah yang khusus untuk mencegah pertumbuhan semula spontan di luar kawasan Ladang Hutan, kematian luar biasa, penyakit, wabak serangga atau kesan buruk alam sekitar yang lain hendaklah didokumentasikan.

- 10.4.5 FME hendaklah mengemukakan maklumat tentang sumber biji benih atau stok tanaman dalam pelan pengurusan atau dokumen lain yang berkaitan.
- 10.5 Sebahagian daripada kawasan pengurusan hutan, dengan skala Ladang Hutan yang bersesuaian dan akan ditentukan mengikut piawaian serantau, hendaklah diurus seperti mana yang diperlukan untuk memulihkan tapak tersebut kepada hutan asli.**
- 10.5.1 Perwakilan sampel-sampel ekosistem semula jadi yang asal hendaklah dilindungi atau dipulih kepada keadaan asal mereka, berdasarkan pengenalpastian bahagian biologi utama, perundingan dengan pemegang-pemegang berkepentingan, kerajaan tempatan dan pihak berkuasa saintifik. (Nota: Lihat juga Kriteria 6.4.)
- 10.5.2 Kawasan-kawasan hutan atau tumbuhan asli adalah tertanda dalam peta dan sekiranya diperlukan di lapangan.
- 10.5.3 Peratusan kawasan perlindungan atau restorasi hutan asli perlu menjangkau yang mana termaktub dalam undang-undang dan norma-norma serantau.
- 10.5.4 **Berkenaan dengan FME-FME SLIMF sahaja** (nota: petunjuk-petunjuk di atas tidak dikenakan): Reka bentuk Ladang Hutan dan amalan-amalan pengurusan hendaklah melindungi nilai-nilai ekologi, terutamanya pada ciri-ciri konservasi atau kawasan perlindungan.
- 10.6 Langkah-langkah untuk mengekalkan atau memperbaiki struktur, kesuburan dan aktiviti biologi tanah harus diambil. Teknik dan kadar penuaian, pembinaan jalan dan laluan dan penyelenggaraan serta pilihan spesies tidak boleh menyebabkan degradasi tanah jangka panjang atau memberikan impak buruk pada kualiti air, kuantiti air atau sisihan yang banyak dari pola sistem saliran sungai.**
- 10.6.1 Langkah-langkah yang jelas dan nyata hendaklah diambil di tapak yang mempunyai aktiviti-aktiviti gangguan (pembinaan jalan, penyediaan tapak, cenderung, penuaian) untuk mengekalkan atau meningkatkan struktur, kesuburan dan aktiviti biologi tanah.
- 10.6.2 Reka bentuk dan pengurusan Ladang Hutan hendaklah tidak menyebabkan degradasi tanah.
- 10.6.3 Operasi hutan harus tidak menjatuhkan kualiti air atau memberi kesan negatif kepada hidrologi tempatan.
- 10.6.4 Apabila impak negatif ke atas tanah atau sumber-sumber air telah dikenalpasti, FME hendaklah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan atau menghapuskan impak-impak tersebut.
- 10.7 Langkah-langkah harus diambil untuk menghalang dan mengurangkan wabak perosak, penyakit, kebakaran dan pengenalan tumbuhan invasif. Pengurusan perosak berintegrasi akan membentuk bahagian penting dalam rancangan pengurusan, dengan pergantungan utama terhadap kaedah pencegahan dan kawalan biologi daripada racun perosak dan baja kimia. Pengurusan Ladang Hutan harus mengambil segala usaha untuk menjauhi daripada penggunaan racun perosak dan baja kimia, termasuk penggunaannya di tapak semaian. Penggunaan bahan kimia juga dinyatakan dalam Kriteria 6.6 dan 6.7.**
- 10.7.1 Langkah-langkah hendaklah diambil di hutan untuk mencegah wabak perosak, penyakit, kebakaran dan pengenalan dan rebakan tumbuhan invasif.
- 10.7.2 Pelan untuk pencegahan dan kawalan kebakaran hutan hendaklah dilaksanakan.
- 10.7.3 FME hendaklah mempunyai dan mengikuti pelan pengurusan perosak bersepadu yang mengenal perosak, menentukan kecederaan atau ambang-ambang tindakan yang boleh diterima, dan kaedah alternatif dalam menangani ancaman.
- 10.7.4 FME hendaklah mempunyai polisi dan strategi untuk mengurangkan penggunaan racun perosak dan baja kimia dan melaksanakannya di lapangan.
- 10.8 Sesuai dengan skala dan kepelbagaian operasi, pemantauan Ladang Hutan hendaklah termasuk penilaian kerap terhadap potensi impak ekologi dan sosial di dalam dan di luar kawasan Ladang Hutan, (misalnya, regenerasi semula jadi, kesan terhadap sumber air dan kesuburan tanah serta kesan terhadap kebajikan tempatan dan kesejahteraan sosial), sebagai tambahan kepada elemen yang dinyatakan dalam Prinsip 8, 6 dan 4. Tiada spesies**

boleh ditanam pada skala yang besar sehingga percubaan dan/atau pengalaman tempatan menunjukkan ia adalah sesuai dari segi ekologi dengan keadaan tapak, tidak invasif dan tidak memberi impak negatif ekologi yang ketara terhadap ekosistem-ekosistem yang lain. Perhatian khas hendaklah diberikan kepada isu-isu sosial yang berkaitan dengan pemerolehan tanah untuk perladangan, terutamanya mengenai perlindungan hak pemilikan, penggunaan, atau pengaksesan tempatan.

10.8.1 FME hendaklah memantau impak ekologi dan sosial yang mungkin di dalam dan di luar kawasan aktiviti perladangan. (lihat juga kriteria 8.2)

10.8.2 Dalam penggunaan spesies eksotik, perlunya mempunyai rekod perbicaraan tempatan atau bukti-bukti empirikal bagi menunjukkan kesesuaian di kawasan Ladang Hutan serta kesan ekologi yang kurang sebelum spesies itu ditanam secara besar-besaran.

10.8.3 **Berkenaan dengan FME-FME SLIMF sahaja** (nota: petunjuk-petunjuk di atas tidak dikenakan): FME hendaklah mendokumenkan kesan negatif alam sekitar atau sosial serta reka bentuk dan langkah-langkah pelaksanaan untuk menangani kesan-kesan tersebut.

10.8.4 Pembelian atau pajakan tanah untuk perladangan hendaklah tidak memberi kesan negatif kepada komuniti dan/atau sumber yang digunakan oleh orang tempatan.

(Nota: Untuk isu spesies eksotik atau invasif, lihat Kriteria 10.4.)

**10.9 Ladang Hutan yang ditubuhkan di kawasan yang ditukar dari hutan asli selepas November 1994 biasanya tidak layak untuk pensijilan. Pensijilan mungkin dibenarkan dalam keadaan di mana terdapat bukti yang mencukupi dan diserahkan kepada badan pensijilan yang menyatakan bahawa pengurus/pemilik adalah tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung mengenai pertukaran kawasan tersebut.**

10.9.1 Perladangan tidak boleh dijalankan di atas tanah yang ditukar dari hutan asli sejak November 1994, melainkan wujudnya bukti-bukti yang jelas menyatakan bahawa bukan tanggungjawab secara langsung atau tidak langsung daripada pengurus/pemilik semasa.

(Nota: Lihat juga Kriteria 6.10.)

**Lampiran 1: Senarai hutan-hutan kebangsaan dan tempatan serta undang-undang dan pengurusan yang berkenaan yang diamalkan in Sabah, Malaysia**

<b>Kategori</b>	<b>Nama undang-undang/peraturan</b>
<b>1. Hak-hak sah untuk penuaian</b>	
1.1 Hak pemilikan tanah dan pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lesen Perjanjian Pengurusan Hutan Secara Mampan</li> <li>• Ordinan Tanah, 1930 (Sabah Cap. 68)</li> <li>• Enakmen Mahkamah Anak Negeri, 1992</li> <li>• Ordinan Tafsiran (Takrif Anak Negeri), 1952</li> <li>• Perjanjian Lesen Kayu Jangka Panjang</li> <li>• Semua adat yang diiktiraf dan dikuatkuasakan oleh Mahkamah Anak Negeri, termasuk keputusan relevan dengan Mahkamah Civil</li> <li>• Enakmen Hutan, 1968</li> <li>• Peraturan Hutan, 1969</li> <li>• Perlembagaan Negeri Sabah</li> </ul>
1.2 Lesen-lesen konsesi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Enakmen Hutan, 1968</li> <li>• Peraturan Hutan, 1969</li> <li>• Ordinan Tanah, 1930 (Sabah Cap. 68)</li> </ul>
1.3 Permit penuaian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Enakmen Hutan 1968, Sections 5 and 5A</li> <li>• Ordinan Tanah (Cap 68), Part IV</li> <li>• Enakmen Taman 1984, Part II</li> <li>• Enakmen Sumber Air, 1998</li> <li>• Enakmen Mahkamah Anak Negeri, 1992</li> </ul>
1.4 Pengurusan dan rancangan penuaian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Enakmen Hutan, 1968</li> <li>• Peraturan Hutan, 1969</li> <li>• Enakmen Sumber Air, 1998</li> <li>• Panduan for Pembalakan and Aktiviti Pembersihan Hutan, 2002</li> <li>• Enakmen Hutan, 1968</li> <li>• Lesen Perjanjian Pengurusan Hutan Secara Mampan</li> <li>• Panduan Pengurusan Hutan Secara Mampan – Part IV (Oktober 2003)</li> </ul>
<b>2. Cukai dan yuran</b>	
2.1 Bayaran royalti dan yuran penuaian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkeliling FD 10/2000: Semakan Yuran Lesen dan Pelbagai Caj-Caj Lain/Pentadbiran</li> <li>• Enakmen Hutan Sabah, 1968 (dipinda 1992)</li> <li>• Peraturan Hutan, 1969</li> </ul>
2.2 Cukai tambahan nilai dan jualan yang lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Enakmen Hutan Sabah, 1968 (dipinda 1992)</li> <li>• Peraturan Hutan, 1969</li> <li>• Akta Cukai Jualan 1972</li> </ul>
2.3 Cukai pendapatan dan keuntungan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Enakmen Hutan Sabah, 1968 (dipinda 1992)</li> <li>• Peraturan Hutan, 1969</li> <li>• Akta Cukai Pendapatan, 1967</li> </ul>
<b>3. Aktiviti-aktiviti penuaian balak</b>	
3.1 Peraturan penuaian balak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Enakmen Sumber Air, 1998</li> <li>• Peraturan untuk Aktiviti Pembalakan and Membersihkan kawasan Hutan, 2002</li> <li>• Buku Panduan Operasi RIL: Kod Amalan Penuaian Hutan di Sabah, Malaysia, 2009</li> <li>• Buku Panduan Operasi RIL Khususnya untuk Penggunaan Traktor Beroda Kelabang, 2001</li> <li>• Enakmen Hutan, 1968</li> <li>• Manual Rujukan untuk Operasi Penuaian Balak di Hutan Simpan Komersil Class II di Sabah, 1996</li> </ul>



Kategori	Nama undang-undang/peraturan
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Enakmen Perlindungan Alam Sekitar, 2002</li> <li>• Akta Racun Makhluk Perosak, 1974</li> <li>• Peraturan-peraturan Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 1989</li> <li>• Buku Panduan Operasi RIL: Kod Amalan Penuaian Hutan di Sabah, Malaysia, 2009</li> </ul> <p><b>Polisi-Polisi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kod Keharmonian Industri, 1975</li> <li>• Dasar Perindustrian Kayu Negara, 2009-2020</li> </ul>
3.2 Kawasan dan spesies terlindung	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Enakmen Warisan Budaya Negeri (Konservasi), 1997</li> <li>• Enakmen Hutan, 1968</li> <li>• Ordinan Tanah (Cap. 68)</li> <li>• Enakmen Kepelbagaian Biologi, 2000</li> <li>• Enakmen Hidupan Liar, 1997</li> <li>• Enakmen Sumber Air, 1998</li> <li>• Perjanjian Lesen Pengurusan Hutan Secara Mampan</li> </ul>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974</li> <li>• Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 2005</li> <li>• Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang ditetapkan) (Buangan Terjadual and Kemudahan-Kemudahan Buangan), 1989</li> <li>• Akta Racun Makhluk Perosak, 1974</li> <li>• Enakmen Kepelbagaian Biologi, 2000</li> <li>• Enakmen Pelindungan Alam Sekitar, 2002</li> <li>• Perintah Pelindungan Persekitaran (Aktiviti-aktiviti yang ditetapkan) (Penilaian Impak Alam Sekitar), 2005</li> <li>• Enakmen Hutan, 1968</li> <li>• Peraturan Hutan, 1969</li> <li>• Ordinan Taman-Taman Sabah, 1962</li> <li>• Enakmen Hidupan Liar, 1997</li> <li>• Enakmen Sumber Air, 1998</li> <li>• Buku Panduan Operasi RIL: Kod Amalan Penuaian Hutan di Sabah, Malaysia, 2009</li> <li>• Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) Panduan untuk Aktiviti Membalok Dan Membersihkan Kawasan Hutan, 2002</li> <li>• Enakmen Sumber Air, 1998 – Bahagian VI (Perancangan dan Perlindungan Tadahan Air)</li> <li>• Panduan Pengurusan Hutan Secara Mampan – Bahagian IV (Oktober 2003)</li> <li>• Protokol Cartagena mengenai Biokeselamatan kepada Konvensyen</li> <li>• Kepelbagaian Biologi, 2000</li> </ul> <p><b>Polisi-polisi:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar Perhutanan Negeri, 1954</li> <li>• Dasar Alam Sekitar Kebangsaan, 2002</li> <li>• Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan, 1998</li> <li>• Pelan Tindakan Spesies Balak, 2011</li> </ul>
3.4 Kesihatan dan keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1991</li> <li>• Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969</li> <li>• Peraturan-peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja, 1971</li> <li>• Akta Kilang dan Jentera, 1967</li> <li>• Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, 1999</li> <li>• Akta Perhubungan Perusahaan, 1967</li> <li>• Ordinan Buruh (Sabah) Cap. 67</li> <li>• Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994</li> </ul>

Kategori	Nama undang-undang/peraturan
	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Garispanduan Mengenai Kemalangan Dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan), 2004</li> <li>○ Garispanduan Mengenai Kemalangan Dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan Dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan), 2000</li> <li>● Akta Kesatuan Sekerja, 1959 (Acta 262)</li> <li>● Akta Pampasan Kerja, 1952</li> </ul>
3.5 Pengambilan kerja yang sah	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Akta Kumpulan Wang Simpanan, 1991</li> <li>● Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969</li> <li>● Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja, 1971</li> <li>● Akta Perhubungan Perindustrian, 1967</li> <li>● Perlembagaan Persekutuan – Artikel 10</li> <li>● Akta Kerja, 1955 – Seksyen 8</li> <li>● Konvensyen ILO No. 87 – Kebebasan Persatuan dan Perlindungan hak-hak bagi menganjurkan Konvensyen, 1948 – Artikel 2, 3, 5 dan 11</li> <li>● Konvensyen ILO No. 98 – Hak untuk Menganjurkan and Perundingan Kolektif Konvensyen, 1949 –Artikel 1 and 2</li> <li>● Konvensyen ILO No. 111 – Konvensyen Diskriminasi (Pengambilan Kerja dan Pekerjaan), 1958 –Hak-hak Kesamarataan – Artikel 1-5</li> <li>● Konvensyen ILO No. 100 – Konvensyen Saraan Sama Rata, 1951 - Hak</li> <li>● Memperoleh Bayaran Sama Rata – Artikel 1-4</li> <li>● Ordinan Buruh (Sabah Cap. 67, 68)</li> <li>● Akta Perhubungan Perusahaan, 1967</li> <li>● Akta Kesatuan Sekerja, 1959 (Acta 262)</li> <li>● Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1991</li> <li>● Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Peraturan-peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja, 1971</li> </ul> </li> <li>● Kod Amalan Keharmonian Industri, 1975</li> <li>● Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994</li> <li>● Akta Pampasan pekerja, 1952</li> <li>● Perjanjian Lesen Pengurusan Hutan Secara Mampan</li> <li>● Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1991</li> <li>● Akta Imigresen, 1959/63 (Disemak semula pada 1974)</li> <li>● Akta Cukai Pendapatan</li> </ul>
<b>4. Hak-Hak Pihak Ketiga</b>	
4.1 Hak-Hak Adat	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Perlembagaan Persekutuan – Articles 8 and 13</li> <li>● Perlembagaan Negeri Sabah – Seksyen 41</li> <li>● Enakmen Hutan, 1968 – Bahagian II, V Seksyen 41</li> <li>● Ordinan Tanah, 1930 (Sabah Cap. 68)</li> <li>● Hak-hak Orang Asli yang ditetapkan</li> <li>● Enakmen Mahkamah Anak Negeri, 1992</li> <li>● Peraturan Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Adat Anak Negeri), 1995</li> <li>● Semua adat yang diperkenankan and boleh dikuatkuasakan oleh Mahkamah Anak Negeri, termasuk keputusan relevan dari</li> <li>● Mahkamah Awam</li> <li>● Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Hak Orang Asal, 2007</li> <li>● Ordinan Tafsiran (Tarif Anak Negeri), 1952</li> <li>● Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, 1999</li> </ul>

Kategori	Nama undang-undang/peraturan
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perjanjian Lesen Pengurusan Hutan Secara Mampan</li> </ul>
4.2 Persetujuan bebas sebelum dan yang telah dimaklumkan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ordinan Tanah, 1930 (Sabah Cap. 68)</li> <li>Hak-Hak Adat Orang Asli yang telah ditetapkan</li> <li>Enakmen Warisan Budaya Negeri (Pemeliharaan), 1997</li> <li>Enakmen Mahkamah Anak Negeri, 1992</li> <li>Peraturan Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Adat Anak Negeri), 1995</li> <li>Semua adat yang diperkenankan and boleh dikuatkuasakan oleh Mahkamah Anak Negeri, termasuk keputusan yang relevan Mahkamah Awam</li> <li>Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Hak Orang Asal, 2007</li> </ul>
4.3 Hak-hak orang asli	<ul style="list-style-type: none"> <li>Enakmen Mahkamah Anak Negeri, 1992</li> <li>Ordinan Tanah (Cap. 68)</li> <li>Enakmen Warisan Budaya Negeri (Pemeliharaan), 1997</li> </ul>
<b>5. Perdagangan dan Pengangkutan</b> NOTA: Bahagian ini merangkumi keperluan untuk operasi pengurusan hutan serta pemprosesan dan perdagangan	
5.1 Perdagangan dan pertukaran harga asing	<ul style="list-style-type: none"> <li>MTIB (Perbadanan) (Pindaan) 1990 — Seksyen 14</li> <li>Perintah Kastam (Larangan mengenai Eksport), 1998</li> <li>Akta Kastam, 1967</li> </ul>
5.2 CITES	<ul style="list-style-type: none"> <li>CITES</li> </ul>
5.3 Perdagangan dan pengangkutan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Akta Syarikat 1965 — Seksyen 16</li> <li>MTIB (Perbadanan) (Pindaan) 1990 — Seksyen 14</li> <li>Kementerian Pengangkutan</li> <li>Peraturan Hutan 1969 — Peraturan 15</li> <li>Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Jadual keempat, perkara 50 and 51, Jadual Pertama, Perkara 15) (June 2006)</li> <li>Akta Kastam 1967</li> <li>MTIB (PERbadanan) Akta 1973 — Seksyen 14</li> <li>Peraturan Hutan 1969</li> </ul>
5.4 Klasifikasi species, kuantiti, kualiti	<ul style="list-style-type: none"> <li>Enakmen Permeliharaan Hidupan Liar, 1997</li> <li>Enakmen Kepelbagaian Biologi, 2000 Seksyen 15,16 &amp; 17</li> <li>Penilaian Impak Persekitaran (EIA) Penduan untuk Aktiviti Pembalakan Pembersihan Hutan, 2002</li> <li>Enakmen Hutan Sabah 1968 (pindaan 1992)</li> <li>Peraturan Hutan 1969</li> </ul>
5.5 Peraturan Kastam	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peraturan Hutan 1969</li> <li>Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Jadual keempat, perkara 50 and 51, Jadual Pertama, Perkara 15) (June 2006)</li> <li>Akta Kastam 1967</li> <li>Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Pindaan) (No. 4) Order, 2006 — Jadual Pertama, Perkara 15 dan Jadual keempat, perkara 50, 51, 52 and 53.</li> <li>Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import), 1998</li> </ul>

## **Lampiran 2: Senarai perjanjian alam sekitar pelbagai hala dan Konvensyen ILO yang Sabah, Malaysia telah sahkan**

- Konvensyen Pertubuhan Bangsa Bersatu mengenai Kepelbagaian Biologi, 1992
- Protokol Cartagena berkenaan Biokeselamatan kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi, 2000
- Konvensyen Mengenai Kepentingan Kawasan Paya Bakau Terutamanya Sebagai Habitat Unggas Air, 1971
- Perjanjian Balak Tropika Antarabangsa, 1994
- Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu, 1992
- Protokol Kyoto berkenaan dengan Konvensyen Perubahan Iklim, 1997
- Deklarasi Pertubuhan Bangsa Bersatu mengenai Hak Orang Asli, 2007
- Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Fauna dan Flora Terancam (CITES), 1973
- Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan, 2002
- Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO)
  - Konvensyen No. 29 — Konvensyen Buruh Paksa, 1930
  - Konvensyen No. 87 — Kebebasan Persatuan dan Perlindungan Hak untuk Menganjurkan Konvensyen, 1948
  - Konvensyen No. 98 — Hak untuk Menganjurkan dan Perundingan Kolektif Konvensyen, 1949
  - Konvensyen No. 100 — Konvensyen Saraan Sama Rata, 1951 - Hak untuk Memperoleh Gaji yang Sama
  - Konvensyen No. 105 — Konvensyen Penghapusan Buruh Paksa, 1957
  - Konvensyen No. 111 — Konvensyen Diskriminasi (Pekerjaan dan Pekerjaan), 1958 - Hak untuk Layanan yang Sama Rata
  - Konvensyen No. 138 — Umur Minimum Kemasukan ke Pekerjaan, 1973
  - Konvensyen No. 182 — Buruh Kanak-Kanak dalam keadaan yang paling teruk, 1999

**Lampiran 3: Senarai rasmi spesies-spesies hampir pupus di Sabah, Malaysia.**

***Contoh:***

***CITES***

Lampiran Haiwan-haiwan I

Lampiran Haiwan-haiwan II

Lampiran Haiwan-haiwan III

Lampiran Tumbuhan II

Lampiran Tumbuhan III

CITES berkenaan dengan kuota-kuota eksport kebangsaan

Bukan-CITES berkenaan dengan kuota-kuota eksport kebangsaan

Senarai Merah Spesies IUCN

<http://www.iucnredlist.org/>

## Lampiran 4: Terma Glosari

**Agen-agen kawalan biologi:** Organisma-organisma hidup yang digunakan untuk menghapuskan atau mengawal populasi organisma hidup yang lain.

**Kepelbagaian biologi:** Kepelbagaian di kalangan organisma-organisma hidup daripada semua sumber termasuk, antara lain, daratan, marin dan ekosistem akuatik lain dan ekologi yang kompleks di mana mereka adalah sebahagian; ini termasuklah kepelbagaian dalam spesies, antara spesies dan ekosistem. (Lihat Konvensyen Kepelbagaian Biologi, 1992)

**Nilai Kepelbagaian Biologi:** Nilai kepelbagaian biologi intrinsik, ekologi, genetik, sosial, ekonomi, sains, pendidikan, kebudayaan, rekreasi dan estetik serta komponen-komponennya. (Lihat Konvensyen Kepelbagaian Biologi, 1992)

**Sijil:** Satu dokumen yang dikeluarkan mengikut peraturan sistem pensijilan yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi terhadap produk, proses atau perkhidmatan yang dikenalpasti selaras dengan piawaian khusus tertentu atau dokumen normatif yang lain.

**Rantai kustodi:** Saluran di mana produk diedarkan bermula asal dari hutan sehingga kegunaan akhir mereka.

**Bahan Kimia:** Jenis-jenis baja, racun serangga, racun kulat, dan hormon yang digunakan dalam pengurusan hutan.

**Kriteria (Kriteria pl.):** Satu cara untuk menilai samaada Prinsip (pengawasan hutan) telah dipenuhi atau tidak.

**Hak adat:** Hak yang berasal daripada tindakan rutin atau adat yang telah berlangsung dalam jangka masa yang panjang, berulang, yang telah memperoleh kuasa undang-undang dalam sesuatu unit geografi atau sosiologi melalui tindakan berulang itu dan juga persetujuan tanpa gangguan.

**Pertikaian:** Berdasarkan terma-terma seperti berikut:

**Rayuan:** permintaan oleh pihak tertakluk kepada sesuatu keputusan untuk dipertimbangkan semula terhadap segala keputusan yang dibuat oleh FSC yang berkenaan dengan Skim Pensijilan FSC dan/atau Program Akreditasi FSC (dipetik dari ISO/IEC 17011:2004 (E)).

**Aduan (Tidak Formal):** luahan rasa tidak puas hati yang awal oleh mana-mana pihak atau organisasi terhadap FSC yang berhubung dengan aktiviti-aktiviti Skim Pensijilan FSC dan/atau Program Akreditasi FSC (dipetik dari ISO/IEC 17011:2004(E)).

**Aduan Formal:** luahan rasa tidak puas hati yang formal oleh mana-mana pihak atau organisasi terhadap FSC yang berhubung dengan aktiviti-aktiviti Skim Pensijilan FSC dan / atau program FSC Akreditasi, di mana respon adalah telah dijangka (dipetik dari ISO/IEC 17011:2004 (E)).

**Ekosistem:** Komuniti tumbuh-tumbuhan dan haiwan serta persekitaran fizikal mereka yang berfungsi bersama-sama sebagai suatu unit yang saling bergantung.

**Spesies hampir pupus:** Mana-mana spesies yang berada pada tahap kepupusan yang bahaya pada keseluruhan atau sebahagian besar jenis spesies tersebut.

**Spesies eksotik:** Suatu spesies bukan asal atau endemik kepada kawasan yang berkenaan.

**Penukaran hutan:** Penghapusan hutan semula jadi secara laju atau beransur-ansur, hutan separa semula jadi atau ekosistem hutan lain seperti hutan dan savana untuk memenuhi keperluan yang lain, seperti perladangan (contohnya kayu pulpa, kelapa sawit atau kopi), pertanian, penternakan, penempatan bandar, perindustrian atau perlombongan. Proses ini biasanya tidak akan dapat dipulihkan.

**Penukaran yang besar:** Penukaran dianggap besar jika:

- o Penukaran Hutan Konservasi Bernilai Tinggi
- o Penukaran lebih daripada 10% daripada kawasan hutan di bawah tanggungjawab organisasi dalam masa 5 tahun yang lepas
- o Penukaran lebih daripada 10,000 hektar kawasan hutan di bawah tanggungjawab organisasi dalam masa 5 tahun yang lepas

**Integriti Hutan:** Komposisi, dinamik, fungsi dan struktur atribut-atribut hutan asli.

**Pengurusan hutan/pengurus:** Orang yang bertanggungjawab terhadap operasi pengurusan sumber hutan dan perusahaan, dan juga pengurusan sistem dan struktur, serta operasi perancangan dan lapangan.

**Perusahaan pengurusan hutan (FME):** Syarikat atau operasi yang bertanggungjawab dalam pengurusan hutan.

**Unit Pengurusan Hutan (FMU):** satu kawasan hutan yang ditentukan dengan jelas dengan dalam peta, yang diurus oleh sebuah badan pengurusan tunggal mengikut satu set objektif yang telah jelas dinyatakan dalam pelan pengurusan pelbagai tahun yang lengkap. Di Sabah, istilah "FMU" digunakan untuk merujuk kepada suatu aturan pentadbiran di mana Jabatan Perhutanan telah membahagikan Negeri Sabah kepada 27 nominal " Unit Pengurusan Hutan " ("FMUs"). Ia tidak sebenarnya merujuk kepada kawasan-kawasan pengurusan hutan yang diuruskan sebagai unit-unit yang berasingan. Oleh itu, FMU ditakrifkan sebaagai pentadbiran yang tidak semestinya padan dengan definisi FSC FMU. Penilaian pensijilan hendaklah dijalankan menggunakan definisi FSC.

**Pengawasan Hutan:** Pengurusan hutan yang berpandukan kepada Prinsip dan Kriteria FSC untuk Pengawasan Hutan, yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar, bermanfaat kepada sosial, dan berdaya maju dari segi ekonomi.

**Organisma yang diubahsuai secara genetic:** Organisma biologi yang telah mempunyai perubahan struktur genetik melalui pelbagai cara.

**Petunjuk:** Satu pembolehubah kuantitatif atau kualitatif yang boleh diukur atau dijelaskan, dan yang memberi panduan untuk menilai sama ada satu unit pengurusan hutan mematuhi keperluan-keperluan Kriteria FSC. Petunjuk-petunjuk dan ambang-ambang yang berkaitan kemudiannya menjelaskan keperluan untuk pengurusan hutan yang bertanggungjawab di peringkat unit pengurusan hutan dan merupakan asas utama kepada penilaian hutan.

**Tanah dan kawasan Orang Asli:** Persekitaran tanah, udara, air, laut, laut berais, flora dan fauna, dan sumber-sumber lain yang dimiliki orang asli telah secara tradisi atau telah diduduki atau digunakan. (Draf Deklarasi Hak Orang Asli: Bahagian VI)

**Orang asli:** "Wujudnya keturunan nenek moyang yang pernah menduduki sesuatu kawasan itu dengan sepenuhnya atau sebahagiannya di sesebuah negara sebelum orang-orang yang berbudaya atau etnik asal yang berbeza tiba di kawasan itu yang datang dari bahagian-bahagian dunia yang lain, menggantikan mereka melalui penaklukan, penempatan, atau cara-cara lain yang mengurangkan populasi mereka menjadi tidak dominan atau dikolonial; yang mana mereka pada masa kini hidup selaras dengan sosial, ekonomi dan budaya dan tradisi tertentu berlainan dengan institusi-institusi negara tersebut di mana telah membentuk satu bahagian, mengikut struktur negeri yang mempunyai segmen ciri-ciri negara, sosial dan budaya yang berbeza dengan penduduk yang asal. " (Definisi Kerja yang dipetik daripada Kumpulan Kerja Persatuan Bangsa-bangsa bersatu terhadap Orang Asli).

**Kayu yang dituai secara haram:** Kayu yang telah dituai yang melanggar sebahagian dan semua undang-undang berkaitan dengan peneuaian di lokasi atau kuasa termasuk pemerolehan hak peneuaian daripada pemilik yang sah; kaedah-kaedah peneuaian yang digunakan dan pembayaran yuran-yuran dan royalti yang berkenaan.

**Hutan Konservasi Bernilai Tinggi:** Hutan Konservasi Bernilai Tinggi merupakan hutan yang mengandungi satu atau lebih ciri-ciri seperti berikut :

- a) Kawasan hutan yang mengandungi kepentingan global, serantau atau kebangsaan:
  - Keamatan nilai biodiversiti (misalnya, endemisme, spesies terancam, pelarian); dan/atau
  - Hutan yang mempunyai landskap yang besar, yang mempunyai, atau mengandungi unit pengurusan yang wujudnya populasi spesies asli yang semuanya atau sebahagian besarnya berada dalam corak penyebaran dan kepadatan yang asal.
- b) Kawasan-kawasan hutan yang berada dalam atau mengandungi ekosistem jarang, terancam atau hampir pupus
- c) Kawasan-kawasan hutan yang menyediakan perkhidmatan asas alam semula jadi yang berada dalam situasi kritikal (contohnya kawasan lindungan tadahan air, kawalan hakisan)
- d) Kawasan-kawasan hutan yang asas dalam memenuhi keperluan-keperluan asas komuniti tempatan (contohnya sara hidup, kesihatan) dan/atau kritikal kepada identiti kebudayaan tradisional komuniti tempatan (bahagian kebudayaan, ekologi, ekonomi atau keagamaan yang penting yang dikenalpasti melalui kerjasam masyarakat tempatan tersebut).

**Landskap:** Satu mozek geografi yang terdiri daripada ekosistem berinteraksi akibat daripada pengaruh geologi, topografi, tanah, iklim, biotik dan interaksi manusia di sesebuah kawasan.

**Undang-undang tempatan:** Termasuk semua norma undang-undang yang diberikan oleh pegawai kerajaan yang bidang kuasanya rendah daripada peringkat kebangsaan, seperti jabatan, perbandaran dan norma adat.

**Jangka panjang:** Jangka masa pemilik hutan atau pengurus seperti yang dinyatakan pada objektif-objektif pelan pengurusan, kadar peneuaian, dan komitmen bagi mengekalkan litupan hutan bekekal. Tempoh masa yang terlibat akan berbeza mengikut konteks dan keadaan ekologi, dan bergantung kepada masa yang diambil bagi sesuatu ekosistem itu pulih kepada struktur dan komposisi asal selepas peneuaian atau gangguan, atau menjadi keadaan matang atau sekunder.

**Spesies asli:** Satu spesies yang wujud secara semula jadi di rantau itu; endemik kepada kawasan itu.



**Kitaran semula jadi:** Kitaran nutrien dan mineral akibat daripada interaksi antara tanah, air, tumbuhan dan haiwan di persekitaran hutan yang mempengaruhi produktiviti ekologi di sesebuah kawasan.

**Hutan semula jadi:** Kawasan-kawasan hutan di mana wujudnya ciri-ciri utama dan elemen-elemen ekosistem asal yang penting seperti kekompleksan, struktur dan kepelbagaian, seperti mana yang ditakrifkan oleh FSC, piawaian pengurusan hutan kebangsaan dan serantau yang telah diluluskan.

**Produk hutan bukan kayu:** Semua produk hutan kecuali kayu, termasuk bahan-bahan lain yang diperolehi daripada pokok-pokok seperti resin dan daun, serta produk tumbuhan dan haiwan produk lain.

**Jenis hutan yang lain:** Kawasan-kawasan hutan yang tidak berkenaan dengan kriteria untuk Ladang Hutan atau hutan asli dan yang ditakrifkan khusus oleh FSC-piawaian kebangsaan dan serantau pengawasan hutan yang telah diluluskan.

**Perosak:** Organisma, yang berbahaya atau dianggap berbahaya dan boleh mempengaruhi pencapaian matlamat-matlamat pengurusan. Sesetengah perosak, terutamanya yang eksotik, juga boleh menimbulkan ancaman ekologi yang serius, dan pengurangan perosak adalah disyorkan. Perosak adalah termasuk haiwan, rumpai, kulat patogenik dan mikroorganisma lain.

**Racun:** Mana-mana bahan atau penyediaannya yang disediakan atau digunakan untuk melindungi tumbuhan atau kayu atau produk tumbuhan lain daripada perosak; dalam mengawal perosak; atau mengurangkan kesan daripada perosak. (Definisi ini termasuk racun serangga, racun tikus, racun kutu, racun siput, racun larva, racun kulat dan racun rumpai).

**Ladang Hutan:** Kawasan hutan yang banyak kekurangan dari segi ciri-ciri utama dan elemen-elemen penting ekosistem asal seperti yang ditakrifkan oleh FSC-piawaian pengawasan hutan kebangsaan dan serantau pengawasan hutan yang telah diluluskan, yang terhasil daripada aktiviti manusia sama ada penanaman, penyemaian atau rawatan silvikultur yang intensif.

**Pendekatan berjaga-jaga:** Cara-cara untuk pelaksanaan prinsip berjaga-jaga.

**Prinsip:** Satu peraturan atau unsur penting; dalam kes FSC, pengawasan hutan.

**Prosedur:** Satu cara yang khusus untuk menjalankan aktiviti atau proses. Prosedur boleh didokumenkan atau tidak.

**Kayu tuntutan:** Kayu yang telah ditebang untuk tujuan selain untuk mendapatkan kayu, atau yang telah ditebang untuk kayu dan kemudiannya hilang atau ditinggalkan. Contohnya termasuk tuntutan tasik/sungai (balak/kayu yang tenggelam ke bahagian bawah sungai atau tasik ketika dalam pengangkutan), kayu daripada pembersihan kebun, kayu daripada pembersihan jalan dan kayu yang dituai di bandar.

**Silvikultur:** Seni bagi menghasilkan dan menjaga sesuatu kawasan hutan dengan memanipulasi pembentukannya, komposisi dan pertumbuhan yang terbaik untuk memenuhi objektif pemilik. Ini boleh, atau tidak termasuk pengeluaran kayu.

**Tapak:** (dalam konteks rantai kustodi) Satu unit berfungsi tunggal sesebuah organisasi atau gabungan unit yang terletak di satu tempat, yang berbeza dari segi geografi dengan unit-unit lain yang berada dalam organisasi yang sama atau rangkaian yang berkaitan.

**SLIMF (intensiti kecil atau rendah berjaya hutan):** satu unit pengurusan hutan yang memenuhi keperluan FSC yang khusus berkaitan dengan saiz dan/atau intensiti penuaian kayu, dan kemudiannya boleh dinilai oleh badan-badan pensijilan menggunakan prosedur penilaian yang efisien. Keperluan FSC yang berkenaan adalah ditakrifkan dalam *Kriteria Kelayakan SLIMF FSC -STD- 01-003*.

**Pemegang berkepentingan:** individu-individu dan organisasi-organisasi yang mempunyai kepentingan yang sah terhadap barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh Unit Pengurusan Hutan; dan mereka yang mempunyai minat terhadap kesan-kesan alam sekitar dan sosial dalam sesuatu aktiviti, produk dan perkhidmatan FMU. Mereka ini termasuk: individu-individu dan organisasi-organisasi yang melaksanakan kawalan alam sekitar berkanun ke atas FMU; orang tempatan; pekerja; pelabur dan syarikat insurans; pelanggan dan pengguna; kepentingan persekitaran dan kumpulan-kumpulan pengguna dan orang awam [diubahsuai dari Upton dan Bass, 1995].

**Penggantian:** Perubahan-perubahan progresif dalam komposisi spesies dan struktur komuniti hutan yang disebabkan oleh proses semula jadi (bukan buatan) dari semasa ke semasa.

**Pemilikan:** Perjanjian yang ditakrifkan secara sosial yang diadakan oleh individu atau kumpulan yang diiktiraf oleh statut undang-undang atau amalan berdasarkan adat, berkenaan dengan "ikatan hak dan kewajipan" daripada pemilikan, pegangan, akses dan/atau penggunaan unit tanah tertentu atau sumber-sumber yang berkaitan di sesebuah kawasan (seperti pokok-pokok individu, spesies tumbuhan, air, mineral, dan lain-lain).

**Hak Tradisional:** Hak yang berasal daripada tindakan rutin atau adat yang telah berlangsung dalam jangka masa yang panjang, berulang, yang telah memperoleh kuasa undang-undang dalam sesuatu unit geografi atau sosiologi melalui tindakan berulang itu dan juga persetujuan tanpa gangguan. Juga dikenali sebagai hak adat (Prinsip dan Kriteria FSC). Ia juga merangkumi hak-hak Orang-orang Asli dan Puak seperti yang ditubuhkan oleh Konvensyen ILO 169.

**Spesies Terancam:** Mana-mana spesies yang berkemungkinan menjadi pupus secara keseluruhan atau sebahagian besar daripada jenis mereka dalam tempoh masa akan datang.

**Hak penggunaan:** Hak-hak untuk mengguna sumber hutan yang boleh ditakrifkan oleh adat tempatan, perjanjian bersama, atau yang ditetapkan oleh hak akses pemegang entiti yang lain. Hak-hak ini mungkin akan menghadkan menggunakan sumber ke tahap penggunaan atau teknik penuaian tertentu.

## Lampiran 5: Ringkasan Penilaian Pensijilan Rainforest Alliance<sup>3</sup>

Proses penilaian pensijilan bermula apabila calon operasi mengemukakan permohonan kepada Rainforest Alliance. Berdasarkan semakan permohonan itu, skop kawasan yang akan dinilai dan berbincang dengan calon, Rainforest Alliance akan mencadangkan satu proses pensijilan yang meliputi pra-penilaian dan diikuti dengan penilaian utama, atau terus kepada penilaian utama. Setiap calon operasi diberi seorang pengurus tugas Rainforest Alliance yang akan menghubungi juruaudit penilaian utama dengan calon dalam menjadualkan dan melaksanakan penilaian.

Juruaudit Rainforest Alliance adalah disediakan dengan panduan terperinci mengenai proses pensijilan, termasuk taklimat-taklimat pra-penilaian (sama ada melalui diri atau telefon) dan mempunyai akses kepada buku panduan penilaian hutan bertulis Rainforest Alliance. Tujuan taklimat-taklimat serta panduan ini adalah untuk memastikan bahawa proses pensijilan yang konsisten dan menyeluruh adalah diikuti.

Selain mengikuti prosedur Rainforest Alliance yang telah digariskan dalam buku panduan penilaian hutan kita, terdapat tiga cara lain di mana kita memastikan ketepatan dan keadilan dalam pensijilan kami:

1. Penilaian ini mesti melibatkan individu-individu telah biasa dengan kawasan tertentu dan jenis operasi pengurusan hutan yang dinilai. Penglibatan pakar-pakar tempatan dalam semua penilaian merupakan polisi Rainforest Alliance.
2. Ahli-ahli pasukan mesti biasa dengan prosedur-prosedur pensijilan Rainforest Alliance. Setiap penilaian pensijilan Rainforest Alliance menetapkan seorang juruaudit utama yang mesti pernah mengambil bahagian dalam kursus formal latihan-juruaudit Rainforest Alliance atau pernah mengambil bahagian dalam penilaian pengurusan hutan atau audit Rainforest Alliance yang lain sebelum ini.
3. Penilaian ini perlu menggunakan piawaian spesifik-serantau (piawaian FSC yang telah diakreditasi atau satu Piawaian Interim Rainforest Alliance yang "mengikut rantau", berdasarkan Piawaian Generik Rainforest Alliance).

Pemilihan pasukan dan Perancangan - Rainforest Alliance memilih juruaudit utama yang berkelayakan serta ahli pasukan yang lain untuk mengambil bahagian dalam penilaian. Tugas pertama juruaudit utama adalah untuk memastikan ahli-ahli pasukan memahami skop dan tujuan-tujuan penilaian. Tanggungjawab dalam penilaian bahagian piawaian (iaitu kriteria dan petunjuk yang khusus) adalah diberi kepada ahli-ahli pasukan yang berbeza, bergantung kepada latihan dan kepakaran mereka. Semua ahli pasukan boleh memberi pendapat pada setiap prinsip, tetapi tanggungjawab utama adalah untuk mengumpul, menganalisis dan menulis data bagi setiap kriteria dan petunjuk.

Pemberitahuan pemegang berkepentingan: Sekurang-kurangnya 45 hari sebelum penilaian hutan, Rainforest Alliance akan memberitahu pemegang berkepentingan mengenai penilaian belum selesai dan memohon pemerhatian atau komen pemegang-pemegang berkenaan dengan kepatuhan operasi tersebut dengan piawaian pensijilan.

Kerja Lapangan dan Pengumpulan Data - Penilaian kepatuhan piawaian itu adalah berdasarkan data yang dikumpul oleh juruaudit melalui semakan dokumentasi pengurusan FME, temu bual

---

<sup>3</sup> For detailed information about procedures, contact our headquarters or regional offices through <http://www.rainforest-alliance.org/>.

dengan staf dan pemegang-pemegang berkepentingan, dan pemerhatian dan pengukuran di lapangan. Pasukan juruaudit itu menganjurkan mesyuarat dengan staf FME untuk mengkaji semula skop penilaian serta prosedur dan piawaian pensijilan. Semakan dokumentasi dan temu bual dengan staf FME bermula dengan segera. Proses penilaian kemudian bergerak seterusnya ke fasa lapangan. Pemeriksaan dibuat di tapak yang dipilih oleh juruaudit Rainforest Alliance berdasarkan semakan calon pegangan hutan FME dan aktiviti-aktiviti pengurusan yang komprehensif, perbincangan dengan pihak-pihak yang berminat/terjejas dan mengenalpasti isu-isu kritikal atau tapak-tapak yang mencabar. Lawatan tapak berlaku di hutan, fasiliti-fasiliti pemprosesan, dan komuniti di sekeliling hutan tersebut. Lawatan adalah menekankan aktiviti-aktiviti pengurusan yang pelbagai jenis dan fasa serta keadaan biologi atau fizikal yang berbeza.

Ahli pasukan audit berjumpa dengan pemegang-pemegang berkepentingan secara berasingan. Semua hasil permintaan penilaian dan gabungan maklumat (sulit dan/atau terbuka) daripada pemegang-pemegang berkepentingan yang terjejas secara langsung dan/atau berpengetahuan termasuk komuniti tempatan, pemilik tanah bersebelahan, industri hutan tempatan, pertubuhan alam sekitar, agensi kerajaan, dan penyelidik saintifik. Dalam perundingan ini, ahli-ahli pasukan penilaian menerangkan proses penilaian, meminta pendapat, dan mengumpul tanggapan mengenai prestasi operasi lapangan yang dinilai.

Analisis data dan membuat keputusan – Di sepanjang penilaian, pasukan tersebut bertemu secara berasingan untuk membincangkan kemajuan dalam pengumpulan maklumat, dan membincangkan hasil penemuan awal. Penilaian kerja secara berkumpulan dengan cara persetujuan untuk menganalisa maklumat dan bahan bukti yang dikumpulkan, menilai kepatuhan dan mencapai persetujuan mengenai penemuan mereka mengenai pensijil calon operasi.

Pasukan penilaian menilai persembahan FME pada peringkat petunjuk-petunjuk piawaian. Sebarang ketidakpatuhan adalah dianalisis dan diklasifikasikan sama ada kecil atau besar. Sesuatu ketidakpatuhan dianggap besar jika FME tersebut menghadapi kegagalan asas dalam mencapai objektif kriteria yang berkenaan yang termaktub dalam piawaian. Di sebaliknya, sesuatu ketidakpatuhan dianggap kecil jika kesan-kesan adalah dalam skala yang kecil, menunjukkan tindakan pembetulan dengan segera telah diambil bagi memastikan ia tidak akan berulang lagi dan ia tidak akan mengakibatkan kegagalan asas bagi mencapai objektif kriteria yang berkenaan. Bagi setiap ketidakpatuhan yang telah dikenalpasti, pasukan penilaian membentuk Laporan Ketidakpatuhan (NCR) yang diklasifikasikan seperti berikut:

- **Laporan Ketidakpatuhan Yang Besar (NCR)** adalah dikeluarkan untuk mendokumen ketidakpatuhan yang besar dengan petunjuk/kriteria yang mana calon FME perlu memperbetulkan sebelum pensijilan Rainforest Alliance adalah diluluskan;
- **Laporan ketidakpatuhan (NCR)** adalah dikeluarkan untuk mendokumen ketidakpatuhan yang kecil yang mana calon FME perlu memperbetulkan mengikut tarikh yang ditetapkan (iaitu, jangka pendek - biasanya dalam tempoh satu tahun) dalam tempoh pembaharuan pensijilan lima tahun (yang merupakan tempoh kontrak pensijilan FSC) ; dan,
- **Pemerhatian** adalah masalah kecil atau dalam peringkat awal sesuatu masalah yang tidak menyebabkan ketidakpatuhan, tetapi melalui pendapat juruaudit, ia boleh membawa kepada ketidakpatuhan pada masa depan jika tidak ditangani oleh pelanggan. Pemerhatian mungkin merupakan isyarat amaran mengenai isu tertentu yang mana, jika tidak ditangani, boleh bertukar menjadi ketidakpatuhan pada masa akan datang.

Penulisan laporan - mengikut penilaian hutan, pasukan tersebut menyediakan laporan penilaian pensijilan. Laporan ini mengikut format yang ditetapkan dan termasuk hasil kajian terperinci

mengenai prestasi dan pra-syarat yang dicadangkan (ketidakpatuhan yang besar), NCRs, atau pemerhatian.

Semakan Laporan Penilaian oleh Calon Operasi, Penilaian bebas oleh penilai dalam bidang yang berkaitan dan Semakan Laporan Rainforest Alliance - calon operasi, sekurang-kurangnya satu penilai dalam bidang yang berkaitan, dan staf Rainforest Alliance serantau, menyemak setiap laporan penilaian pensijilan.

Sijil Keputusan - Setelah langkah-langkah di atas selesai, pejabat Rainforest Alliance serantau yang berkenaan akan menganjurkan satu proses keputusan pensijilan. Jika keputusan pensijilan adalah untuk meluluskan pensijilan, kontrak pensijilan lima tahun akan dilaksanakan yang memerlukan audit tahunan di lapangan. Jika operasi tersebut tidak diluluskan, keputusan pensijilan akan menyatakan apa yang perlu dilakukan supaya operasi dapat mencapai status bersijil pada masa hadapan.